

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
PERPUSTAKAAN

PERANAN DAN SIKAP WANITA
DALAM BIDANG PEKERJAAN PROFESIONAL
(SATU KAJIAN "EXPLORATORY" DI KUALA LUMPUR)

Chew Chuan Juak

No. Matrik 039553

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

PENGHARGAAN

Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada penyelia saya, Puan Hajjah Fatimah Daud, yang telah bersusah payah memberi nasihat, penunjuk dan mengulas latihan latihan ilmiah saya ini dari masa ke semasa.

Saya juga berterima kasih kepada rakan saya, Rohana Abdul Rahman yang telah sudi menyemak latihan ilmiah ini.

Penghargaan dan terima kasih juga ditujukah kepada pekerja-pekerja profesional di Kuala Lumpur yang sudi menjadi responden-responden saya ketika kajian dijalankan. Dengan kerjasama yang mereka telah berikan akhirnya saya berjaya juga menyiap latihan ilmiah yang ada sekarang.

Akhir sekali terima kasih yang tidak terhingga juga kepada kakak saya, Chuan Chin, yang telah sudi menaip latihan ilmiah ini.

Chew Chuan Juak

No. Matrik: 039553

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur.

22hb Disember 1983.

SINOPSIS

Latihan ilmiah ini merupakan satu kajian "exploratory" ke atas pekerja-pekerja wanita profesional di sekitar Kuala Lumpur. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat peranan dan sikap wanita dalam pekerjaan profesional. Dalam penulisan kajian ini, saya telah membahagikan kepada tujuh bab, mengikut aspek-aspek yang tertentu.

Bab I : Pengkaji telah menghuraikan bidang dan tujuan kajian.

Selain itu, pengkaji juga menerangkan metode kajian yang digunakan serta masalah-masalah yang dihadapi oleh pengkaji semasa menjalankan kajian luar.

Bab II : Huraian mengenai konsep-konsep dan teori yang digunakan di dalam latihan ini khususnya konsep peranan, konsep kerja, konsep pekerjaan profesional dan konsep sikap telah dihuraikan dalam bab ini.

Bab III : Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan sedikit sebanyak tentang pelajaran dan peranan wanita dalam pekerjaan di Malaysia. Di samping itu, pengkaji cuba menunjukkan bagaimana faktor pelajaran telah membolehkan kaum wanita memegang pekerjaan profesional.

Bab IV : Bab ini adalah bab di mana pengkaji menguraikan latar belakang sosio-ekonomi responden serta keluarga mereka.

Bab V : Dalam bab ini, pengkaji telah meninjau bagaimana peranan wanita dalam pekerjaan profesional digabungkan dengan peranan mereka dalam bidang urusan rumah tangga. Di samping itu, pengkaji juga meninjau faktor-faktor yang mendorong penglibatan wanita dalam pekerjaan profesional.

Bab VI : Pengkaji melihat sikap kaum wanita dalam bidang pekerjaan profesional terhadap pekerjaan serta masalah-masalah yang dihadapi.

Bab VII : Bab ini merupakan rumusan terhadap keseluruhan kajian di mana dikaitkan antara teori dan konsep dengan "findings" yang didapati.

3.1 Pekerjaan Dan Latihan

3.1.1 Pekerjaan Wanita Melayu Seluruh Malaysia

DAFTAR KANDUNGAN

BAB IV: DAFTAR KELAKUAN SOSIO-KAJIAN	<u>MUKA SURAT</u>
4.1 Latar Belakang Responder	37
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	ii
DAFTAR KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vi
BAB I: PENDAHULUAN	vii
1.1 Bidang Kajian	1
1.2 Tujuan Kajian	2
1.3 Metode Kajian	4
1.4 Masalah Kajian	8
BAB II: HURAIAN MENGENAI KONSEP-KONSEP DAN TEORI	
2.2 Definasi Peranan	11
2.3 Perbedaan Peranan Wanita Dan Lelaki	18
2.4 Definasi Kerja	22
2.5 Definasi Pekerjaan Profesional	27
2.6 Definasi Sikap	34
BAB III: PELAJARAN DAN PERANAN WANITA DALAM PEKERJAAN DI MALAYSIA	
3.1 Pelajaran Dan Latihan	42
3.2 Peranan Kaum Wanita Dalam Pekerjaan	48

MUKA SURAT

BAB IV:	LATAR BELAKANG SOSIO-EKONOMI	
4.1	Latar Belakang Responden	57
4.2	Latar Belakang Keluarga Responden	64
4.3	Latar Belakang Suami	71
4.4	Latar Belakang Anak Responden	72
BAB V:	PERANAN WANITA	
5.1	Gabungan Peranan Wanita Dalam Bidang Pekerjaan Dan Bidang Urusan Rumahtangga	76
5.2	Faktor Yang Mendorong Penglibatan Wanita Dalam Pekerjaan Profesional	85
BAB VI	SIKAP WANITA TERHADAP PEKERJAAN	
6.1	Sikap Dan Pandangan Terhadap Pekerjaan	91
6.2	Masalah-Masalah Yang Dihadapi	92
BAB VII	KESIMPULAN	105
BIBLIOGRAFI		111
LAMPIRAN SOAL SELIDIK		114

133	DAFTAR SOAL SELIDIK - KONSEP	61
134	DAFTAR SOAL SELIDIK - SISTEMATIK	62
135	TERBITAT PUBLIKASI	63
136	DAFTAR DAFTAR KELUARGA DAN KONSEP KELUARGA	65
137	JENIS PEMERIKSAAN KONSEP	66
138	TERBITAT PREDIKATIF BAGILAH KONSEP	66
139	TERBITAT PREDIKATIF BILANGA	67
140	RELASIONAL ANGK-HEBATIK DALAM PREDIKATIF PROFESIONAL	70

SENARAI JADUALMUKA SURAT

JADUAL	MUKA SURAT
1: CONTINUA IN THE PROFESSIONAL IDEAL TYPE	29
2: PERATUSAN PERTAMBAHAN PENDAFTARAN MURID-MURID LELAKI DAN PEREMPUAN PADA TAHUN 1975 & 1980	43
3: BILANGAN PENDAFTARAN WANITA DALAM BERBAGAI LATIHAN DAN PENGAJIAN	45
4: UNIVERSITI MALAYA: PENUNTUT-PENUNTUT MENGIKUT FAKULTI DAN JANTINA: 1975-76 & 1977-78	46
5: PEKERJA WANITA: PERTAMBAHANNYA	48
6: SEMENANJUNG MALAYSIA: TABURAN PERATUS ORANG-ORANG YANG BEKERJA MENGIKUT SEKTOR UTAMA, PEKERJAAN UTAMA DAN JANTINA, 1975 DAN 1979	50
7: PEKERJAAN PROFESIONAL SEMENANJUNG MALAYSIA, 1979	53
8: JENIS PEKERJAAN	58
9: BANGSA RESPONDEN	59
10: UMUR RESPONDEN	60
11: TEMPAT ASAL RESPONDEN - NEGERI	61
12: TEMPAT ASAL RESPONDEN - KAWASAN	62
13: TINGKAT PELAJARAN	63
14: HUBUNGAN SAIZ KELUARGA DENGAN KESTABILAN KEWANGAN	65
15: JENIS PEKERJAAN IBUBAPA	66
16: TINGKAT PENDAPATAN SEBULAN IBUBAPA	68
17: TINGKAT PENDIDIKAN IBUBAPA	68
18: BILANGAN ADIK-BERADIK DALAM PEKERJAAN PROFESIONAL	70

JADUAL 19:	BILANGAN ANAK RESPONDEN	73
20:	UMUR ANAK RESPONDEN	74
21:	JAGAAN ANAK SEMASA RESPONDEN BEKERJA	77
22:	PERBELANJAAN UNTUK JAGAAN ANAK-ANAK	79
23:	KESANGGUPAN SUAMI MEMBUAT KERJA-KERJA MENGURUS RUMAH TANGGA	80
24:	PEKERJAAN DIANGGAP LEBIH PENTING DARI PERANAN SEBAGAI SEORANG ISTERI DAN IBU	81
25:	KESANGGUPAN MENINGGALKAN PEKERJAAN JIKA SUAMI DIKEHENDAKI TUKAR KE TEMPAT LAIN	82
26:	GALAKAN SUAMI DALAM BIDANG PEKERJAAN PROFESIONAL	83
27:	GALAKAN SUAMI DALAM KEGIATAN SOSIAL DI LUAR RUMAH	84
28:	SEBAB BEKERJA: PELAJARAN	86
29:	SEBAB BEKERJA: INGIN MELUASKAN PENGETAHUAN ATAU MENDAPATKAN PENGALAMAN	86
30:	SEBAB PEKERJA: FAKTOR EKONOMI	87
31:	SEBAB PEKERJA: MINAT & MENGISI MASA LAPANG	89
32:	TEMPUH MASA UNTUK BEKERJA	91
33:	PEKERJAAN YANG DICITA-CITAKAN ADALAH SEPERTI PEKERJAAN SEKARANG	93
34:	KEPUASAN RESPONDEN TERHADAP PEKERJAAN	94
35:	MASALAH DARI PEKERJA-PEKERJA BAWAHAN	96
36:	ALASAN-ALASAN YANG DIBERIKAN UNTUK MASALAH YANG MEREKA HADAPI DARI PEKERJA-PEKERJA BAWAHAN TERUTAMA SEKALI DARI KAUM LELAKI	97

JADUAL 37:	PEKERJA WANITA DIPERLUKAN BEKERJA LEBIH KUAT DARI SEORANG LELAKI JIKA DIBERIKAN KERJA YANG SAMA	99
38:	RESPONDEN MENGHADAPI MAS ALAH DARI PEKERJA- PEKERJA SEJAWATAN TERUTAMA SEKALI DARI KAUM LELAKI	100
39:	RESPONDEN MERASA DIRI LEBIH CEPAT DINAIKKAN PANGKAT JIKA RESPONDEN ADALAH SEORANG LELAKI	101
40:	RESPONDEN MERASAI PUAS HATI DENGAN GAJI	102
41:	RESPONDEN MERASAI MAJORITI PEKERJA- PEKERJA WANITA ADALAH LEBIH EMOSIONAL DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN DI PEJABAT	103

BAB I
PENDAHULUAN

1.1 BIDANG KAJIAN

Bidang kajian ini akan dihadkan kepada beberapa aspek sahaja untuk memenuhi tujuan kajian. Oleh itu pengkaji akan hanya menyentuh aspek-aspek yang berhubungan dengan peranan dan sikap wanita dalam bidang profesional terhadap tugas-tugas mereka di dalam sektor kerja atau "public job" dan di dalam keluarga atau "private job". Jadi, haruslah terlebih dahulu pengkaji menghuraikan teori-teori dan konsep-konsep peranan serta sikap wanita yang digunakan di dalam latihan ilmiah ini. Kemudianya pengkaji akan mengaitkan aspek-aspek ini dengan wanita dalam bidang pekerjaan profesional.

Latarbelakang responden juga dipentingkan untuk menjelaskan lagi bidang kajian ini. Dengan itu pengkaji akan meninjau serba sedikit mengenai latar belakang responden seperti umur, pelajaran, saiz keluarga, bilangan anak, pekerjaan ibubapa, dan suami (jika telah berkahwin) serta kedudukan ekonomi mereka. Dari latar belakang yang diketahui, pengkaji boleh menentukan apakah faktor-faktor yang mendorong dan menghalang kaum wanita itu untuk terus memegang peranan dalam "public job" itu.

Dalam cara pemilihan responden, pengkaji telah bertemu-bual dengan tiga puluh wanita yang terlibat dalam bidang pekerjaan profesional. Antara pekerjaan-pekerjaan profesional yang dipegang oleh mereka adalah seperti doktor, doktor gigi, akauntan, pensyarah, peguam, pengurus, jurutera, jurubina, pengarah dan pegawai-pegawai bank yang bekerja di Kuala Lumpur.¹ Responden-responden yang dipilih boleh digolongkan kepada dua kumpulan iaitu mereka yang sudah berkahwin dan belum berkahwin. Bagi mereka yang telah berumahtangga, pengkaji cuba melihat bagaimana mereka menggabungkan kerja luar mereka dengan urusan rumahtangga dan sikap mereka terhadap pekerjaan luar. Responden yang belum berumahtangga pula boleh dikaji juga dari segi peranan mereka di dalam "public job" serta sikap mereka terhadap pekerjaan mereka termasuklah masalah-masalah yang dihadapi. Akhir sekali pengkaji akan membuat rumusan yang berdasarkan data-data serta pemerhatian-pemerhatian yang telah dijalankan.

1.2 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian yang "exploratory" mengenai peranan dan sikap wanita yang bekerja dalam pekerjaan profesional khususnya. Ia menumpukan perhatian kepada persoalan

1. Sila lihat Bab IV: Latar Belakang Responden.

wanita dan pekerjaan iaitu dari segi perkembangan bilangan pekerja-pekerja wanita, khususnya wanita di dalam berbagai-bagai bidang pekerjaan profesional serta penyertaan wanita-wanita yang sudah berumahtangga di dalam pekerjaan ke atas corak kekeluargaan.

Fokus kajian ini adalah pada wanita-wanita dalam pekerjaan profesional khususnya kerana wanita-wanita ini berada di tempat yang agak "istimewa" kerana pekerjaan-pekerjaan mereka adalah majoritinya dipegang oleh kaum lelaki. Diharap dengan kajian ini, dapatlah membentulkan sebarang salah tanggapan mengenai kebolehan kaum wanita. Selain dari itu, diharap juga kajian ini dapat menafikan kenyataan umum yang mengatakan bahawa peranan kaum wanita dihadkan dan hanya layak bergerak di dalam lingkungan rumahtangga mereka sahaja. Jadi, dalam lain perkataan, kajian ini bertujuan untuk melihat peranan dan sikap wanita terhadap pekerjaan mereka serta peranan mereka di dalam rumahtangga sebagai isteri dan ibu juga sebagai pekerja-pekerja yakni menekankan peranan mereka di dalam "public job".

Bagi responden yang belum berumahtangga, pengkaji ingin mengetahui bagaimana sikap golongan ini terhadap pekerjaan kerana mereka memegang "public job" yang berbentuk profesional. Golongan responden ini juga terpaksa meninggalkan keluarga mereka yang tinggal berjauhan kerana terpaksa memegangkan jawatan profesional yang kebanyakannya ditumpukan di bandaraya Kuala Lumpur. Dengan itu, mereka cuba hidup dengan cara mereka sendiri.

Selain dari itu, pengkaji ingin mencari jawapan kepada soal-soal utama seperti yang disenaraikan di bawah ini:

1. Adakah golongan pekerja ini terdiri daripada anak orang-orang kaya dan berpelajaran tinggi sahaja?
2. Adakah golongan pekerja ini berasal dari bandar atau bandaraya sahaja?
3. Adakah wanita dalam kategori ini menganggap pekerjaan mereka iaitu "public job" lebih utama dari tugas rumah tangga atau "private job"?
4. Apakah sebab-sebab wanita golongan ini bekerja sedangkan mereka mempunyai suami yang boleh menanggung mereka? (Bagi mereka yang telah berkahwin).
5. Adakah wanita dalam golongan ini menganggap pekerjaannya sebagai sementara ("temporary") sahaja di mana mereka akan meninggalkan pekerjaan mereka selepas mereka berumahtangga?
6. Adakah wanita dalam kategori ini menghadapi masalah dari pekerja-pekerja sejawatan terutama sekali dari kaum lelaki?

Akhir sekali pengkaji ingin melihat apakah faktor-faktor yang bertanggungjawab di dalam menghalang dan menggalak kaum wanita ini untuk terus bergerak cergas di dalam pekerjaan profesional mereka. Jadi kajian ini bertujuan untuk melihat faktor penggalak dan faktor penghalang dalam penglibatan wanita di dalam bidang pekerjaan profesional.

1.3 METODE KAJIAN

Pengkaji menjalankan kajian kerjaluar di sekitar bandaraya Kuala Lumpur. Kajian ini memakan masa selama kira-kira

sebulan iaitu bermula dari 1hb Mac 1983 dan berakhir pada 30hb Mac 1983. Kerja luar ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat dan data-data yang diperlukan untuk latihan ilmiah ini.

Cara yang paling sesuai untuk mendapatkan maklumat dan gambaran yang lebih jelas mengenai apa yang hendak dikaji ialah gabungan cara kajian secara teori dan kerja luar. Dalam latihan ilmiah ini, pengkaji telah menggunakan beberapa metode kajian.

i) Metode kajian yang pertama yang dilakukan ialah merujuk kepada bahan terkumpul. Kaedah ini bertujuan untuk mendapatkan sedikit sebanyak tentang teori dan konsep yang akan digunakan dalam latihan ilmiah ini. Membentuk teori merupakan suatu dasar untuk membuat kajian seperti kata Sellitz,

"... even fragments of a partially developed theory provide an important guide for the direction of research by pointing to areas that are likely to be fruitful - that is, in which meaningful relationships are likely to be found."

Bahan-bahan terkumpul ini boleh membantu pengkaji membentuk teori mengenai peranan dan sikap wanita dalam bidang pekerjaan. Selain dari ini, rujukan kepada bahan-bahan terkumpul boleh memberi gambaran secara perbandingan mengenai kedudukan dan peranan wanita

2. Sellitz, Claires; Research Methods in Social Relations, New York, 1959. Hal. 487.

dalam masyarakat tradisional dan masyarakat moden. Bahan-bahan yang terkumpul atau kajian perpustakaan merujuk kepada buku-buku, makalah-makalah, eseи-eseи dan sebagainya yang telah dibuat oleh para pengkaji yang terdahulu dengan tujuan mengukuhkan lagi persoalan yang akan dikemukakan nanti.

ii) Dalam membuat kajian ini, cara kedua yang telah digunakan ialah dengan menggunakan soal-selidik atau "questionnaires". Cara ini mempunyai dua bentuk soalan iaitu soalan tertutup dan soalan terbuka.

Soalan tertutup ini merupakan bentuk soalan-soalan yang telah disediakan jawapannya untuk dipilih oleh responden. Di sini responden harus memilih jawapan yang telah ditetapkan oleh penginterview mengikut syarat-syarat kajian. Soalan-soalan seumpama ini khususnya dikemukakan untuk mengetahui latar belakang responden dari segi umur, pelajaran, kedudukan ekonomi dan lain-lain keterangan yang terdapat dalam bentuk jadual.

Soalan terbuka pula merupakan bentuk soalan di mana jawapannya tidak ditetapkan oleh penginterview. Di sini pendapat atau idea-idea responden diperlukan. Responden diberi peluang untuk menjawab berdasarkan kepada pendapat masing-masing seperti yang dikatakan oleh Ferstinger dan Katz, soalan terbuka merupakan

soalan-soalan,

"... in which the topic given is structured for respondent but he is given the task of answering in his own words, structuring answers as he sees fit and speak at whatever length..."

Soal selidik atau "questionnaires" digunakan untuk mengimbangkan data-data yang diperolehi daripada tiap-tiap responden supaya keputusannya kelak akan memberi gambaran sebenar akan masalah yang dikaji.

iii) Metode "temubual" pula juga digunakan dengan cara mengadakan perbualan secara tidak resmi untuk menguatkan lagi data-data yang telah diperolehi itu. Maklumat-maklumat dan data-data yang diperlukan yang tidak dapat dipenuhi dengan cara soal-selidik dilengkapi dengan cara ini iaitu "informal interview". Dengan cara yang tidak "sedar", melalui perbualan yang membiarkan responden berkenaan bercakap mengenai apa ia suka, pengkaji boleh mewujudkan hubungan mesra dengan responden. Dalam situasi ini, data-data dan maklumat yang tepat dapat diperolehi.

iv) Melalui pemerhatian, kedua-dua metode soal-selidik dan "informal interview" boleh dilengkapi. Metode ini penting untuk menguatkan lagi kebenaran yang diberikan itu berpaduan dengan

3. Ferstinger, L.A. Katz D., Research Methods in the Behavioural Sciences, Holt, Rinehart and Winston Inc., U.S.A., 1953. Hal. 351.

keadaan yang sebenar atau sebaliknya. Metode ini dianggap penting di dalam membuat satu-satu kajian seperti pendapat Sellitz,

"... observation is not only one of the most pervasive acts of daily life, it is a primary tool of scientific inquiry..."⁴

Menerusi pemerhatian, pengkaji dapat melihat gambaran yang lebih jelas bagaimana kaum wanita itu menjalankan kerja-kerja mereka, kecekapan bekerja, cara mengatur pekerjaan serta pergaulan mereka sama ada di kalangan rakan-rakan sejawatan mahupun dengan pegawai-pegawai atasannya. Seterusnya, apa yang dilihat oleh pengkaji dicatatkan misalnya apa yang dilakukan semasa waktu rehat dan juga ketika masa waktu petang ketika hendak pulang.

1.4 MASALAH KAJIAN

Semasa kajian kerja luar dijalankan iaitu selama sebulan, pengkaji telah menghadapi beberapa masalah yang sedikit sebanyak telah menghalang kelincinan kajian. Walaubagaimanapun masalah-masalah itu dapat diatasi walaupun tidak kesemuanya sekali.

Masalah yang besar di dalam kajian ialah untuk mendapatkan responden. Oleh kerana pengkaji tidak mengenal ramai wanita yang

4. Selltiz, op. cit. Hal. 200.

bekerja di bidang pekerjaan profesional, adalah sukar untuk memulakan kajian luar. Walaubagaimanapun masalah ini telah dapat diatasi dengan bantuan penyelia pengkaji iaitu Puan Fatimah Daud. Beliau telah memperkenalkan beberapa rakan beliau kepada pengkaji. Dari rakan-rakan Puan Fatimah Daud, pengkaji pula diperkenalkan kepada rakan-rakan mereka, atau pekerja-pekerja sejawatan pula. Disebabkan adanya perhubungan ini, pengkaji berjaya mendapat tiga puluh responden.

Pekerja-pekerja profesional sememangnya mempunyai tugas-tugas yang penting dan mereka adalah sentiasa sibuk. Jadi pengkaji merasa serba salah untuk menembual dengan mereka kerana temubual dengan seorang responden akan memakan masa sependek-pendeknya dua puluh minit. Oleh kerana itu, pengkaji mempunyai kurang masa untuk mengadakan "interview informal" dengan berbual-bual dengan mereka. Namun begitu, kesulitan ini dapat sedikit sebanyak diatasi dengan membuat perjanjian atau "appointment" untuk berjumpa dengan responden.

Selain dari itu, ada lagi masalah yang boleh dikatakan memberi sebab ketidaklicinan dalam menjalankan kajian. Misalnya, semasa pengkaji sedang asyik bertemu-bual dengan responden, tiba-tiba ada panggilan talipon untuk responden berkenaan. Kadang-kadang ada urusan penting untuk responden menguruskan seperti ada masa kecemasan di mana responden yang bekerja sebagai doktor diperlukan ataupun ada panggilan untuk responden jurutera untuk melawat tapak pembinaan. Jadi terpaksa hal temubual itu dihentikan dan pengkaji

terpaksa menyambung temubual itu pada hari yang lain. Jika responden itu tidak dikehendaki ke mana-mana, dengan adanya panggilan talipon, secara tidak langsung, perbualan yang sedang berjalan lancar terhenti dan idea atau pandangan yang sedang lahir dalam fikiran responden akan terus hilang.

Masalah yang lain ialah berkenaan dengan pemerhatian yang tidak dapat dibuat di rumah responden. Pengkaji juga menghadapi masalah untuk bertemu-bual dengan suami atau anak-anak responden untuk mendapat gambaran yang lebih jelas. Oleh kerana kesulitan ini, pengkaji tidak bertemu-bual dengan mereka walaupun boleh mendapatkan data-data melalui perbualan "informal" yang amat sesuai dengan matlamat latihan ilmiah ini.

BAB II

HURAIAN MENGENAI KONSEP-KONSEP DAN TEORI

Di dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan konsep-konsep yang berkaitan dengan tajuk latihan ilmiah. Konsep-konsep yang akan dihuraikan adalah untuk tujuan pemahaman bab-bab yang selanjutnya. Penekanan konsep-konsep yang akan diberikan ialah konsep peranan, sikap dan pekerjaan profesional.

2.1 DEFINASI PERANAN

Dalam membuat definisi peranan, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak definisi-definisi yang berbeza-beza yang telah diberikan oleh para sarjana-sarjana. Setiap seorang sarjana mempunyai pendapat yang berbeza dari seorang sarjana yang lain. Dengan itu, untuk memberikan definisi peranan yang agak tepat, masih belum ada lagi satu ketetapan tentang pengertiannya. Walaubagaimanapun pengkaji akan menghuraikan beberapa definisi peranan yang telah dikemukakan oleh beberapa para sarjana.

Konsep peranan ini biasanya dikaitkan dengan kedudukan ataupun "status". Walaupun kedua-dua ini mempunyai makna yang berbeza, peranan dan kedudukan adalah berkait rapat di antara satu sama lain. Seperti mana yang diterangkan oleh Ralph Linton,

"... a role represents a dynamic aspect of status. When (an individual) puts the rights and duties into effect, he is performing a role."

(Ralph Linton, 1936, hal. 6)

Ertinya, sesuatu peranan mewakili satu aspek dinamik dari satu-satu "status" atau kedudukan. Apabila seseorang individu menjalankan hak dan tanggungjawab, maka dia telah melaksanakan sesuatu peranan.

Selain dari itu, peranan boleh didefinisikan sebagai sesuatu set hak-hak dan tanggungjawab di mana kelakuan seseorang itu akan menyesuaikan diri dengan peranannya. Ini adalah definisi yang diberikan oleh Banton dalam bukunya, Roles: An Introduction to the Study of Social Relations (Banton, 1965, hal. 21),

"... a role as a set of rights and obligations, that is, as an abstraction to which the behaviour of people will conform in varying degree."

Dalam lain perkataan, peranan boleh melahirkan perlakuan dari sesuatu kedudukan atau "status". Ini bermaksud bahawa sesuatu peranan yang dimainkan oleh seseorang individu itu adalah suatu perlakuan dari sesuatu kedudukan atau "status" individu itu. Oleh itu, tugas dan hak yang ada pada seseorang individu itu akan mementukan peranan yang dimainkan olehnya. Ini adalah kerana tiap-tiap individu mempunyai tugas dan hak yang tertentu di dalam

masyarakat yang ia anggotai. Peranan yang dimainkan oleh seseorang itu,

"... represents the behaviour of a given position."

(David L. Sills, 1968, hal. 546)

Stansfield Sargent juga bersetuju dengan David L. Sills, di mana beliau berkata,

"... a person's role is a pattern or type of social behaviour which seems situationally appropriate to him in terms of the demands and expectations of those in his group."¹¹

(Banton, 1965, hal. 21)

Definisi yang diberikan oleh Kinsley Davis pula ialah "status". Apa yang Davis anggap sebagai peranan, Newcomb mengatakan-nya sebagai perlakuan peranan (role behaviour) dan T.R. Sarbin pula menyebutnya sebagai peraturan peranan (role enactment) (Banton, 1965, hal. 28). Terjadilah pencaggaran pendapat dalam mendefinisikan "peranan" pada tahun-tahun 1960an. Walaubagaimanapun bolehlah disimpulkan bahawa peranan merupakan satu pola kelakuan jangkaan (expected behaviour) yang berkaitan dengan status atau kedudukan sosial seseorang dalam sesuatu kelompok atau situasi sosial. Apabila seseorang itu menjalankan aktiviti-aktiviti atau tugas-tugas yang tertentu, maka bolehlah dikatakan perlakuan peranan telah ditunjukkan.

Sebagaimana yang dikatakan tadi, individu-individu itu mempunyai berbagai peranan yang juga dikenali sebagai "role set". Ini adalah suatu perkembangan dari terminologi Linton yang telah dicadangkan oleh Robert K. Merton. Walaupun seseorang itu hanya memegang satu kedudukan dalam masyarakat, ia mempunyai serangkaian peranan-peranan yang berkaitan di mana beliau harus melaksanakan menurut peranan kerana adalah tanggungjawabnya. Seorang wanita misalnya, dalam masa kini memainkan beberapa peranan iaitu sebagai seorang pekerja, isteri, ibu dan anggota umum di dalam masyarakatnya. Peranan individu dalam tiap-tiap masyarakat yang ia anggotai bergantung kepada statusnya di dalam masyarakat tersebut.

Apabila seseorang individu itu mempunyai sesuatu pekerjaan di luar rumahnya, misalnya ia berperanan sebagai pensyarah, doktor, jurutera, dan lain-lainnya, peranannya adalah berbeza dari peranannya di rumah tangga. Keadaan seperti ini telah mengubahkan peranan seseorang individu, iaitu dari peranannya di rumah tangga kepada luar rumah tangga. Situasi yang berbeza di antara di dalam rumah tangga dan luar rumah tangga telah mengubah peranan seseorang individu dan setiap peranan yang dimainkan oleh setiap individu itu mempunyai hubungan yang amat rapat dengan kedudukannya. Dengan itu, boleh dilihat bahawa seseorang individu mempunyai berbagai-bagai peranan atau "multiple role".

Di dalam sesuatu organisasi atau masyarakat, setiap individu memegang peranan yang berbeza. Perbezaan peranan ini boleh disebabkan oleh beberapa faktor seperti jantina, umur,

pelajaran, latarbelakang seseorang samada ia telah berkahwin atau tidak, samada ia mempunyai anak atau tidak, dan faktor-faktor lain.

Dalam sesuatu masyarakat yang tertentu, terdapat peranan yang telah ditetapkan untuk setiap orang. Peranan seseorang itu bergantung kepada kedudukannya dalam masyarakat tersebut. Di dalam kebanyakan masyarakat tradisi, peranan wanita sebagai ibu dan surirumah adalah dipandang sebagai lebih penting dari sebarang peranan yang ia mungkin pegang. Tetapi di dalam zaman kini, terdapat perubahan peranan tradisional wanita. Peranan yang dulunya dipegang oleh kaum lelaki seperti di dalam bidang profesional kejuruteraan, perakuanan, kedoktoran, pergigian, undang-undang dan lain-lain, sekarang dipegang oleh kaum wanita yang telah berjaya melayakkan dirinya bersama kaum lelaki dalam bidang-bidang tersebut. Pada dasarnya, wanita masih memegang peranannya sebagai ibu dan surirumah selain dari menjadi seorang pekerja di luar rumah. Ini merupakan sesuatu peranan tambahan kepadanya dan jelas kelihatan "multiple role"nya.

Jadi, ringkasnya boleh dikatakan peranan itu adalah untuk melahirkan perlakuan dari satu kedudukan atau "status". Ini bererti seseorang individu mempunyai suatu perlakuan mengikut kedudukannya. Apabila seseorang individu diberi tugas dan hak di dalam masyarakatnya, maka itulah peranan yang dimainkannya.

2.2 PERANAN WANITA DALAM PEKERJAAN

Linton telah membahagikan peranan kepada dua jenis iaitu peranan bercorak "asccribed" dan "achieved". Peranan bercorak "ascribed" adalah berdasarkan kepada faktor kelahiran atau semula-jadi yang terdapat terutama sekali di dalam masyarakat tertutup. Peranan bercorak "achieved" yang biasanya terdapat di kebanyakan masyarakat terbuka adalah berdasarkan kepada faktor pencapaian seseorang.⁵ Biasanya seseorang itu terpaksa memainkan kedua peranannya di dalam masyarakatnya.

Dengan kata lain, kedua-dua corak peranan tadi ("achieved" dan "ascribed") adalah berhubungan di antara satu sama lain kerana terdapat kedua jenis peranan tersebut pada seseorang itu dalam sekali gus. Untuk menggambarkan keadaan ini dengan jelasnya, pengkaji memberi contoh seorang wanita. Bagi seseorang wanita, peranan yang bercorak "ascribed" adalah merupakan peranannya sebagai seorang isteri yang menjaga suami dan seorang ibu yang menjaga anaknya serta menjalankan kerja-kerja rumah tangga.⁶ Peranan yang berbentuk "ascribed" merupakan peranan yang diharapkan atau dijangkakan dilakukan oleh seseorang wanita oleh masyarakat.

Peranan yang bercorak "achieved" adalah merupakan peranan-peranan yang lain daripada apa yang bercorak "ascribed"

-
5. Banton, M., Roles, An Introduction to the Study of Social Relations, Tavistock Publications, 1965. Hal. 30.
 6. Darling, M., The Role of Women in the Economy, Organisation for Economic Co-operation and Development, Paris, 1975. Hal. 66.

seperti peranan seorang wanita dalam bidang ekonomi, sosial dan lain-lain. Misalnya peranannya sebagai seorang doktor yang diperolehinya melalui pelajaran yang tinggi dan latihan-latihan yang tertentu.

Selalunya, kedua peranan iaitu "asccribed" dan "achieved" berlaku serentak. Misalnya, seorang wanita di samping menjadi seorang isteri dan ibu juga bergiat dalam pekerjaannya seperti doktor, jurutera dan lain-lain. Oleh kerana kebanyakan masyarakat sekarang adalah masyarakat yang terbuka, terdapatlah peluang bagi seseorang di satu-satu "status" atau kedudukan mengalami proses mobiliti sosial melalui pencapaian atau "achievement".⁷ Dengan adanya banyak masyarakat yang mengamalkan sistem yang lebih terbuka, maka ia telah mengubah dan mempengaruhi peranan yang dimainkan oleh wanita.

Dari itu, peranan kaum wanita boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu "private" dan "public". Peranan seseorang wanita tidak hanya terbatas di dalam lingkungan rumah tangganya sahaja tetapi telah melangkah ke peranan yang dulunya dipegang oleh kaum lelaki. Tugas-tugas "private" ialah tugas-tugas yang berkisar di dalam rumah tangga sahaja seperti suri rumah tangga, menjadi ibu kepada anak-anak dan kewajipan isteri kepada suami. Tugas-tugas

7. Iglehart, A.P., Married Women and Work, Lexington Books, 1976.
Hal. 1.

"public" pula merupakan tugas-tugas yang dijalankan di luar rumah-tangga di mana biasanya dijalankan oleh kaum lelaki. Jadi tugas-tugas wanita yang dikatakan "private" memang sukar dipisahkan walaupun ia memegang tugas "public" itu. Jelaslah bahawa tugas "public" dan "private" merupakan "dual career" kaum wanita kerana mereka memegang dua tugas.

2.3 PERBEDAAN PERANAN WANITA DAN LELAKI

Peranan wanita di zaman tradisional agak jauh berbeza jika dibandingkan dengan zaman yang serba maju ini. Terdapat pembahagian tugas yang agak jelas di antara kaum lelaki dan kaum wanita yang berdasarkan kepada jantina. Ini merupakan satu fakta biologi di mana peranan yang berdasarkan jantina atau "sex roles"⁸ adalah jangkaan sosial. Jangkaan sosial merupakan sesuatu yang dipelajari melalui proses sosialisasi di mana seorang itu diajar tentang peranan-peranan yang sesuai padanya kerana fakta biologinya. Perbedaan di antara peranan wanita dan lelaki telah menimbulkan pendapat-pendapat yang bertentangan di dalam menghuraikan faktor-faktor perbedaan peranan itu. Menurut Ernestine Friedl telah timbul dua golongan yang bertentangan di dalam menghuraikan tentang faktor-faktor perbedaan di antara peranan wanita dan lelaki, iaitu golongan "biologist" dan

8. Oskamp, S., Attitudes and Opinions, Prentice Hall, 1977. Hal. 341.

golongan "environmentalist".⁹

Golongan "biologist" berpendapat bahawa faktor biologilah yang menentukan perbezaan peranan di antara kaum lelaki dan wanita. Keadaan ini banyak didapati di dalam masyarakat pra-industri di mana pembahagian tugas adalah berdasarkan kepada jantina. Dulu wanita memang ditempatkan di rumah bagi memainkan peranannya sebagai seorang isteri dan ibu. Orang lelaki pula ditugaskan keluar memburu untuk mendapatkan bahan makanan keluarganya. Oleh itu sehingga hari ini, kaum lelaki ditugaskan menjadi "ketua" di dalam rumah tangga kerana aktiviti ekonomi itu masih dipikul oleh orang lelaki. Jarang didapati satu "reversal of roles" di mana seorang lelaki mengambil alih kerja-kerja "private" seorang wanita. Bagi seorang wanita, kerja-kerja luar seperti memburu yang memerlukan kekuatan fizikal adalah tidak sesuai.

Menurut Robert Winch,¹⁰ berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh Murdock ke atas 224 buah masyarakat di merata dunia telah menunjukkan bahawa orang lelaki adalah cenderung untuk melakukan kerja-kerja seperti memburu dan menjerat binatang, menangkap ikan, membalak dan lain-lain kerja yang memerlukan kekuatan fizikal dan tenaga yang banyak. Biasanya kerja-kerja seperti itu memerlukan

-
9. Friedl, Ernestine, Women and Men, An Anthropologist View, Holt, Rinehart and Winston, New York, 1975.
 10. Winch, Robert, Selected Studies in Marriage and the Family, Ed., New York, Holt, Rinehart and Winston, 1962.

jangkamasa yang panjang dan terpaksa pergi ke tempat yang jauh atau di luar rumah tangga dan kadang-kadang ke tempat yang bahaya seperti hutan belantara.

Kaum wanita pula adalah lebih sesuai dalam pekerjaan yang berkisar di rumahnya seperti memasak, menjaga anak-anak dan menanam sayur-sayuran dan buah-buahan di sekitar kawasan rumahnya, menumbuh biji-bijian dan tugas-tugas lain yang tidak memerlukan kekuatan fizikal seseorang wanita. Kerja-kerja ini dianggap sesuai kerana kaum wanita adalah tidak sekuat dari segi fizikal jika dibandingkan dengan seseorang lelaki. Ia juga tidak perlu pergi jauh dari rumahnya dan ini membolehkannya selalu berdamping dengan anak-anaknya.

Winch berpendapat bahawa oleh kerana pembahagian tugas yang berdasarkan kepada garis jantina dalam masyarakat pra-industri adalah satu perkara yang dijangka-jangkakan, maka akhirnya ia telah menjadi satu "pattern" atau pola di mana akhirnya dianggap sebagai satu aspek budaya. Jadi, pembahagian tugas ini secara tersebut telah menyebabkan kaum lelaki dan kaum wanita terpaksa saling-bergantung di antara satu sama lain.

Sebagai kesimpulan, golongan "biologist" berpendapat bahawa faktor yang membezakan peranan di antara wanita dan lelaki adalah disebabkan oleh faktor semulajadi ataupun biologi. Disebabkan oleh faktor biologi, maka kaum wanita dikatakan lebih terikat dengan

rumah tangga dan kawasan sekitar rumahnya kerana mereka dikatakan lemah dari segi fizikalnya. Inilah faktor yang menyebabkan peranan wanita tertumpu pada tugas-tugas rumah tangga dan penjagaan anak-anak.

Golongan "environmentalist" pula berpendapat bahawa faktor-faktor luaranlah yang membezakan peranan kaum lelaki dan wanita. Faktor biologi bukanlah yang menentukan peranan antara lelaki dan wanita tetapi keadaan sosial dan budaya masyarakat. Biasanya kanak-kanak (dan orang dewasa) boleh belajar tanpa diberi pengukuhan iaitu dengan melihat orang-orang lain melakukannya. Jenis pembelajaran ini dipanggil sebagai peniruan atau "imitation", "copying" dan "modeling". Kebanyakan ahli-ahli tionist klasik mengenai perkembangan Sahaiah seperti Bandura dan teman sekerja telah menekankan peniruan sebagai unsur utama dalam proses sosialisasi.¹¹ Jadi mungkin melalui proses sosialisasi, seorang anak lelaki meniru gerak-laku bapanya sementara seorang anak perempuan pula adalah lebih cenderung melakukan kerja-kerja yang dilakukan oleh ibunya. Anak-anak memandang ibu-ibu mereka seperti contoh bagi diri mereka sendiri sebab pada suatu masa nanti mereka juga akan menjadi seorang ibu. Walaubagaimanapun kita lihat bahawa pekerjaan seperti menenun kain, menjahit, memasak dan lain-lain yang biasanya dianggap sebagai pekerjaan wanita telah dilakukan oleh kaum lelaki di masyarakat yang lain. Sebaliknya tugas-tugas lelaki seperti pemimpin politik telah dipegang oleh kaum wanita seperti mana yang terdapat di Sri Langka, Israel, India, England dan lain-lain.

11. Schneider, D.J., Social Psychology, Addison-Wesley Publishing Company, Inc., 1976. Hal. 192.

Sebagai kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa samada pekerjaan itu memerlukan tenaga fizikal yang kuat atau tidak, kedua pendapat iaitu "biologist" dan "environmentalist" adalah penting dalam menentukan peranan wanita dan lelaki. Jika kerja itu memerlukan tenaga fizikal yang kuat, maka tentulah kerja itu akan dimonopolikan oleh kaum lelaki tetapi keadaan ini ada kecualiannya. Misalnya, kerja-kerja membina landasan keretapi dan jalanraya dikerjakan oleh wanita-wanita India manakala kerja-kerja pembinaan bangunan di Malaysia dan Singapura selalu terdapat kaum wanita yang melakukannya. Di dalam bidang pekerjaan yang tidak memerlukan tenaga fizikal yang kuat tetapi memerlukan kemahiran, latihan dan pelajaran tinggi seperti jurutera, doktor, pensyarah dan lain-lain pekerjaan profesional juga boleh dilakukan oleh kaum wanita, walaupun tugas-tugas ini dianggap sebagai satu bidang pekerjaan lelaki. Sebaliknya, kerja-kerja yang hanya dilakukan oleh kaum wanita pada zaman dulu sudahpun dilakukan oleh kaum lelaki.

2.4 DEFINISI KERJA

Persoalan mengenai penglibatan kaum wanita dalam bidang pekerjaan telah menjadi satu topik yang sering diperbincangkan. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini selalunya dikatakan bahawa kestabilan keluarga akan terancam jika kaum wanita yang telah berumahtangga melibatkan diri dalam pekerjaan sebab-sebab berlakunya penceraian dan penjenayahuan remaja selalunya dikaitkan dengan terancamnya kestabilan keluarga.

Dengan itu, patutlah pengkaji menjelaskan serba-sedikit tentang definisi kerja supaya konsep ini boleh difahami.

Definisi kerja tidak mempunyai satu definisi yang tetap sahaja. Boleh dikatakan bahawa kerja adalah sukar didefinasikan kerana terdapat banyak definisi-definisi yang berbeza-beza yang dikemukakan oleh para sarjana. Ini menjadi satu masalah untuk memberi definisi kerja dengan tepat. Namun begitu, pengkaji akan memberi beberapa definisi kerja yang pernah dikemukakan.

Secara umumnya, kerja merupakan apa sahaja aktiviti yang menyebabkan usaha-usaha fizikal. Kamus "Concise Oxford" telah memberi definisi kerja sebagai,

"an expenditure of energy, striving, application of effort to some purpose."¹²

Aktiviti yang menggunakan tenaga tidaklah semua dianggap sebagai kerja. Walaupun aktiviti luarnya adalah sama, ia boleh merupakan kerja atau hobi.¹³

Fungsi ekonomi perlulah ditekankan kerana jika fungsi ekonomi tidak terdapat dalam melakukan aktiviti itu, ia boleh merupakan satu hobi sahaja. Contohnya seorang pemain bola sepak

12. Dalam Pascal Gisbert, Fundamentals of Industrial Sociology, Hal. 25.

13. Ibid. Hal. 27.

yang profesional yang bermain semata-mata sebagai pekerjaannya sementara seorang pemain bola sepak yang biasa bermain untuk mendapatkan kegemarannya. Jadi salah satu ciri kerja ialah mesti mempunyai fungsi ekonomi. Ahli-ahli ekonomi bersetuju dengan pendapat di atas dan mendefinasi kerja sebagai,

"... one of the major factors of production consisting of manual or mental exertion for which wages, salaries or professional fees are received."¹⁴

Seorang ahli antropologi, Raymond Firth pula memberi definisi kerja sebagai,

"an income producing activity" atau
"a purposeful activity entailing expenditure
of energy at some sacrifice of pleasure or
leisure."

Dalam konteks ini, kerja merupakan suatu aktiviti yang boleh menghasilkan pendapatan atau wang. Fungsi ekonomi ditekankan.

Borne dan Henri pula melihat konsep kerja dari sudut falsafah di mana mereka menyuarakan idea-idea mereka dalam buku mereka, A Philosophy of Work.

14. Ibid. Hal. 27.

"We call work the human effort which creates useful goods, that is to say, the effort that places itself at the service of a piece of work, a creation of labour, itself destined for the services of humanity, an effort personal in origin, but fraternal in its ends."¹⁵

Mereka telah mencadangkan definisi kerja sebagai usaha-usaha manusia yang mengujudkan hubungan-hubungan yang berguna dan berfaedah bukan untuk diri sendiri tetapi juga untuk tujuan umum.

Dari segi pendekatan sosiologi, ahli-ahli sosiologi berminat dalam soal kerja kerana ia melibatkan beberapa bentuk organisasi sosial. Dengan itu, fokus atau tumpuan mereka adalah pada hubungan-hubungan pekerjaan atau "work relationships". Sesuatu hubungan pekerjaan ialah satu hubungan di mana orang-orang yang melakukan aktiviti-aktiviti yang dicorakkan untuk mencapai sesuatu yang telah diperkatakan oleh orang lain. Terdapat dua pendekatan untuk hubungan pekerjaan iaitu melihat hubungan sosial di kalangan pekerja-pekerja dan melihat bagaimana pekerjaan yang berlainan adalah berhubungan dalam organisasi pekerjaan.¹⁶

Setelah melihat definisi-definisi kerja yang dikemukakan, bolehkah kita mendefinasikan kerja rumah sebagai kerja? Jenis-jenis kerja yang dilakukan oleh kaum wanita di dalam rumah bolehlah

15. Borne and Henri, A Philosophy of Work, Trans. F. Jackson, London 1938. Hal. 98.

16. Edward Gross, Work and Society, New York, P.Y. Crowell, 1958. Hal. 11.

dikatakan melebihi dari kerja yang dilakukan di luar rumah, tetapi kerja ini tidak "significant" atau tidak penting. Ini adalah disebabkan oleh aktiviti-aktiviti ini dilakukan oleh isteri dan bukan orang gaji. Dengan itu, aktiviti ini tidak dinilaikan dan dikira dalam statistik pendapatan negara. Dalam buku J.J. Mitchell, Woman's Estate, beliau telah membuat kajian tentang kerja rumah di Sweden. Beliau dapati bahawa sebanyak 2,340 juta jam telah ditumpukan oleh kaum wanita dalam jangkamasa setahun kepada kerja rumah jika dibandingkan dengan 1,290 juta jam setahun yang ditumpukan kepada kerja di luar rumah.¹⁷

Dalam masyarakat yang simpel, perhubungan antara kerja dan keperluan asasi seperti makanan, pakaian dan perlindungan adalah secara langsung. Individu-individu dalam masyarakat tersebut hanya menggunakan apa yang mereka usahakan atau keluarkan. Tetapi perhubungan secara langsung ini menjadi semakin jauh kepada seseorang individu dalam sesbuah masyarakat perindustrian moden. Dalam masyarakat moden pula kerja biasanya diidentifikasi sebagai cara-cara untuk mendapatkan kemudahan kehidupan.

Makna pekerjaan bagi wanita yang belum berumahtangga tidak boleh disamakan dengan apa yang dimaksudkan oleh seorang wanita yang telah berumahtangga. Seorang lelaki pula mempunyai definisi pekerjaan yang agak sama dengan seorang wanita yang belum berumahtangga kerana

17. Nota kuliah Puan Fatimah Daud pada 13hb Ogos 1983.

ia belum lagi mempunyai tanggung-jawab sebagai seorang isteri dan ibu. Semua ini adalah disebabkan oleh kebudayaan yang mempengaruhi pandangan sesuatu masyarakat terhadap pekerjaan. Ramai wanita menganggap pekerjaan adalah dimaksudkan kepada hanya pekerjaan yang dilakukan di luar rumah tangga yang mendatangkan pendapatan, manakala kerja-kerja yang dilakukan di dalam rumah tangga walaupun digunakan perkataan "kerja" adalah semata-mata tugas yang semulajadi bagi kaum wanita. Jadi, walaupun kaum wanita melakukan pekerjaan di luar rumah tangga mereka tetapi tugas-tugas mereka sebagai isteri, ibu dan suri rumah tangga berterusan juga.

2.5 DEFINASI PEKERJAAN PROFESIONAL

Perlu juga dibuat sedikit penguraian tentang jenis pekerjaan profesional. Seperti definasi-definasi yang lain, definasi pekerjaan profesional juga mengalami kesukaran dalam percubaan mendefinasinya.

Mengikut Millerson, pekerjaan profesional memerlukan,

"... specialised skill and service, an intellectual and practical training, a high degree of professional autonomy and responsibility for the profession as a whole, an embargo on some methods of attracting business and an occupational organisation testing competencies, regulating standards and maintaining discipline."¹⁸

18. Millerson, G., The Qualifying Associations, London, 1964, Rajah 1-1, hal. 5 dalam buku Elliot, Philip, The Sociology of the Professions, Macmillan, Great Britain, 1972.

Dengan itu, pekerjaan profesional hanya merujukkan kepada jenis pekerjaan yang memerlukan kemahiran yang khusus dalam sesuatu bidang dan mempunyai "autonomy" atau kebebasan pekerjaan serta mempunyai organisasi pekerjaan.


Pekerja-pekerja profesional merupakan sekumpulan orang yang telah berjaya memasuki sesuatu bidang profesional berdasarkan pelajaran profesional yang telah diterimanya dan seterusnya telah dipilih dan disosialisasikan kepada peranan profesional.¹⁹ Oleh itu, Peranan pelajaran merupakan suatu mekanisma yang menentukan kedudukan pekerjaan seseorang itu.

Untuk melihat bagaimana pekerjaan profesional ini berbeza dari pekerjaan bukan profesional, pengkaji akan menggunakan cara "ideal type" Weber yang telah dicadangkan oleh Elliott. "Professionalism" merupakan suatu bentuk organisasi atau orientasi untuk bekerja dalam masyarakat. Ciri-ciri yang berbagai jenis pekerjaan profesional boleh disenaraikan dalam satu series yang berterusan. Ciri-ciri ini selalunya didapati dalam pekerjaan profesional yang "ideal type".

19. Ibid. Hal. 12.

JADUAL 1

CONTINUA IN THE PROFESSIONAL IDEAL TYPE²⁰



20. Ibid, Jadual 2. Hal. 96.

Dari Jadual 1 boleh dikatakan tidak begitu lengkap kerana terdapat penulis-penulis lain yang telah memasukkan ciri-ciri lain dalam mendefinisikan pekerjaan profesional. Walaubagaimanapun, jadual ini menunjukkan pola-pola pekerjaan profesional yang berhubungan.

Dari segi pengetahuan, pekerjaan profesional mempunyai pengetahuan yang sukar dan luas. Pengetahuan ini merupakan suatu yang asas bagi meneruskan fungsi masyarakat. Hanya ahli-ahli dalam pekerjaan profesional ini tahu pengetahuan ini dan boleh melakukan perkhidmatan yang amat diperlukan oleh masyarakat. Misalnya dalam bidang perubatan, hanya seorang doktor yang boleh mengubat pesakit. Mengubati dan menjaga kesihatan masyarakat dianggap sebagai salah satu dari fungsi yang penting dalam mengadakan kestabilan dalam masyarakat.²¹

Kerja-kerja yang dilakukan pula tidaklah berbentuk "routine" atau mengikut sesuatu sistem yang tertentu. Jenis pekerjaan profesional merupakan "non-routine" di mana pekerja-pekerja melakukan kerja mereka tanpa dikawal oleh sebarang cara atau sistem yang amat membosankan. Pekerjaan mereka membolehkan mereka menikmati kepuasan bekerja. Walaupun terdapat "division of labour" atau pembahagian kerja dalam pengetahuan dan kemahiran yang khusus, mereka berada pada peringkat atasan di mana mereka membuat keputusan. Misalnya, seseorang jurutera awam hanya mengkhusus dalam bidangnya sahaja.

21. Becker, Howard S., Sociological Work, Penguin Press, Great Britain, 1971. Hal. 94.

Beliau hanya melakukan kerja-kerja yang merupakan nasihat sahaja. Dalam pembinaan bangunan, seorang jurutera awam tidak mengangkat kayu atau batu-batu. Perkhidmatan mereka hanya boleh diberi oleh seseorang ahli yang telah terkhusus dalam bidang itu.

Dalam membuat keputusan, pekerjaan profesional tidak mempunyai keputusan yang tetap dan tidak dirancangkan. Keputusan yang mereka berikan adalah berdasarkan kepada pengalaman dan kecekapan mereka. Seseorang pekerja profesional dianggap sudah boleh membuat keputusan yang rasional.

Tidak seperti pekerjaan bukan profesional, pekerjaan profesional mempunyai kebebasan yang sepenuhnya dalam pekerjaannya. Segala-galanya adalah dalam tanggungjawab dan pertimbangan adalah dalam tangan seseorang pekerja profesional.²²

Identiti atau pengenalan seseorang pekerja profesional adalah disebabkan oleh pekerjaannya. Selalunya pekerjaan digunakan untuk merujuk kepada status seseorang atau merujuk kepada keahlian kelas. Pekerjaan profesional ini menduduki sesuatu kedudukan yang terpengaruh dalam masyarakat.²³ Dalam kelas ini, mereka mempunyai ciri-ciri yang "homogeneous" atau sama dari segi taraf pelajaran, kelulusan dan prestasi sosial.

22. Ibid. Hal. 96.

23. Prandy, Kenneth, Professional Employees, Great Britain, 1975. Hal. 30.

Melalui pekerjaan, pekerja-pekerja profesional juga mempunyai persamaan. Mereka mempunyai kepentingan yang agak sama. Ahli-ahli dalam pekerjaan profesional ini selalunya mendapat pendapatan yang tinggi dan prestij sosial yang tinggi. Persatuan-persatuan pekerjaan profesional merupakan suatu badan bagi menjaga kepentingan mereka. Ini menunjukkan pekerjaan mereka telah meletakkan mereka sebagai kaum "elite".²⁴

Kejayaan individu dalam memasuki bidang pekerjaan profesional adalah menerusi pelajaran dan setelah bertahun-tahun bertungkus-lumus untuk mencapai status ini.²⁵ Golongan pekerja profesional ini mempunyai latihan dan kelulusan pelajaran tinggi yang tertentu dan golongan ini tidak dapat melakukan sebarang pekerjaan lain selain dari pekerjaan yang khusus ini. Contohnya, seseorang doktor yang telah mengikuti kursus perubatan semasa beliau berada di universiti, maka bidang pekerjaannya adalah khusus untuk soal-soal perubatan sahaja. Beliau tidak boleh menjalankan tugas sebagai seorang peguam atau jurutera kerana tidak mempunyai kelulusan untuk bidang-bidang itu. Sebaliknya seseorang peguam tidak dapat menjadi seorang doktor.

Jadi di antara pekerjaan-pekerjaan yang dapat digolongkan dalam bidang profesional mengikut klasifikasi Jabatan Perangkaan,

24. Logan, Morris L., "Toward a Definition of Profession, Harvard Educational Review XXIII, 1953. Hal. 38.

25. Becker, Howard, Sociological Work, Penguin Press, Great Britain, 1971. Hal. 103.

Malaysia, yang terdapat dalam Banci Pertubuhan-Pertubuhan Profesional di Semenanjong Malaysia bagi tahun rujukan 1979 ialah:

1. Akauntan
2. Jurubina
3. Dentis
4. Doktor
5. Jurutera
6. Peguam
7. Jurukur
8. Doktor Veterinar

Antara pekerjaan profesional yang tidak didapati dalam Banci 1979 tersebut mengenai pekerjaan profesional, pengkaji telah bertemu bual dengan beberapa responden yang boleh digolongkan sebagai pekerja profesional iaitu:

9. Pensyarah
10. Pegawai Bank

Pengolongan mereka ke dalam pekerjaan profesional adalah berdasarkan kepada ciri-ciri yang didapati dalam definisi pekerjaan profesional yang telah diuraikan. Pengkaji merasai sesuai bagi kedua-dua pekerjaan ini digolongkan dalam kategori pekerjaan profesional. Terdapat lain-lain pekerjaan yang agak sesuai juga dikategorikan ke dalam pekerjaan profesional yang berdasarkan kepada ciri-ciri pekerjaan tersebut. Tetapi setakat latihan ilmiah ini, pengkaji hanya terhad kepada sepuluh jenis pekerjaan profesional ini.

2.6 DEFINASI SIKAP

Penganalisaan yang teliti mengenai sikap wanita boleh dikatakan penting dalam membuat latihan ilmiah ini. Dalam mengkaji sikap kaum wanita dalam pekerjaan profesional, kita boleh mengetahui pendapat-pendapat mereka mengenai beberapa isu-isu penting. Ini merupakan suatu panduan konkret yang boleh menimbulkan kesedaran dan usaha-usaha yang benar-benar dinamis ke arah pembangunan kaum wanita.

Oleh yang demikian, perkataan "sikap" perlu difahami. Istilah sikap adalah berasal dari perkataan Latin "aptitude". Sebenarnya definisi sikap adalah terlalu luas dan sukar untuk menggunakan satu sahaja definisi sikap. Mengikut seorang ahli tiori sikap, Gordon Allport (1935), sikap ialah,

"... a mental and neural state of readiness, organized through experience exerting a directive or dynamic influence upon the individual's response to all objects or situations with which it is associated."²⁶

Ini bermaksud satu keadaan dalam otak dan saraf yang tersedia, di mana ia diorganisasikan melalui pengalaman yang mempunyai tekanan panduan atau pengaruh yang dinamik terhadap tindakbalas seseorang individu kepada semua benda-benda atau situasi-situasi di mana ia

26. Lemon, Nigel, Attitude and their Measurement, John Wiley & Sons, Inc., 1973. Hal. 9.

ada hubungan. Dengan itu, dalam bidang sains sosial, istilah sikap adalah satu "posture of the mind",²⁷ ataupun keadaan dalam fikiran.

Aspek-aspek yang ditekankan dalam sikap ialah,

"... a mental set or disposition, attitude as a readiness to respond, the physiological basis of attitudes, their permanence, their learned nature, and their evaluative character."²⁸

McGuire (McGuire, 1969, hal. 142-149) telah memberi satu pemerihalan mengenai implikasi-implikasi setiap aspek dalam definisi di atas ini. Ciri yang utama bagi definisi sikap, mengikut Allport ialah kesediaan untuk tindakbalas atau "readiness to respond". Ini adalah sikap dan bukan kelakuan di mana seseorang itu akan bertindak-balas dalam cara yang tertentu terhadap objek sikap. Istilah objek sikap atau "attitude object" termasuklah benda-benda, orang, tempat, idea ataupun situasi.

Ciri yang juga penting dalam sikap ialah faktor penggerak atau "motivating force of attitude". Sifat sikap yang boleh tahan tanpa berubah-ubah juga merupakan ciri yang penting. Ini boleh menggambarkan sikap yang benar kerana sikap yang berbeza-beza tidak boleh menggambarkan sesuatu sikap yang betul. Pada tahun-tahun

27. Oskamp, S., Attitudes and Opinions, Prentice Hall, 1977. Hal. 7.

28. Ibid. Hal. 7.

kebelakangan ini, aspek penilaian sikap atau "evaluative aspect of attitudes" di mana sikap dilihat sebagai suatu sifat yang bertindak balas dengan jawapan yang menyokong atau tidak menyokong objek sikap itu.²⁹

Encyclopedia Britanica pula memberi definisi sikap sebagai,

"Suatu kecenderungan ke arah suatu reaksi yang tertentu. Secara amnya iaanya digunakan sebagai satu istilah yang menggambarkan paduan fikiran, kepercayaan, sentimen dan kecenderungan ke arah sesuatu pembuatan, sikap selalu mementingkan perasaan dan emosi. Sikap boleh menggambarkan pendirian seperti menentang atau menyokong, meluluskan atau tidak meluluskan, menyukai atau tidak menyukai terhadap sesuatu keadaan yang tertentu. Sikap boleh berubah-ubah mengikut masa dan keadaan sekeliling."

Definisi yang diberikan oleh Encyclopedia Americana adalah lebih kurang sama dengan definisi yang diberikan oleh Encyclopedia Britanica,

"Suatu kecenderungan untuk menerima dengan suatu cara tertentu terhadap seseorang, sesuatu objek, keadaan, peristiwa atau idea. Seseorang yang menunjukkan sikap terhadap sesuatu adalah sebenarnya menunjukkan kesedaran terhadap perkara tersebut."

29. Ibid. Hal. 9.

Dengan itu ketiga-tiga definisi ini boleh dikatakan mempunyai kaitan yang sangat rapat. Perlu ditegaskan bahawa dalam kajian ini, pengertian sikap diertikan sikap wanita dalam pekerjaan profesional di tempat kajian.

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai sikap, maka elok jika dibuat satu kesimpulan dari keiga-tiga definisi itu. Tiga "component" sikap yang dianggap penting ialah:³⁰

- i) "cognitive part" iaitu sikap secara amnya digunakan untuk merujuk kepada kepercayaan seseorang mengenai sesuatu atau sekumpulan benda-benda. Ia juga menggambarkan pemaduan seluruh fikiran, kepercayaan, sentimen, perasaan, emosi dan kecenderungan seseorang terhadap sesuatu.
- ii) "affective part" merujuk kepada berapa suka atau tidak suka kepada sikap objek. Dalam perkataan lain sikap boleh dilihat melalui reaksi seseorang terhadap yang lain atau terhadap sesuatu objek, keadaan, peristiwa dan idea, samada ia menyukai atau tidak, menerima atau menolak, menyokong atau membangkang dan sebagainya.
- iii) "behaviour component" merujuk kepada kecenderungan seseorang untuk melakukan sesuatu kepada sikap objek, walaupun telah disebutkan tadi bahawa fikiran mempunyai hubungan yang amat rapat dengan sikap. Jika dilihat fikiran atau sikap sebagai dua benda yang berasingan, maka ternyata perbezaan yang besar sekali di antara kedua-dua ini. Seseorang itu boleh menunjukkan sikapnya melalui sesuatu perbuatan atau reaksi yang timbul hasil dari keputusan yang dibuat oleh percampuran fikiran, kepercayaan atau perubahan sikap.

Dengan jelasnya konsep sikap, pengkaji boleh melihat sikap wanita samada sikap mereka terhadap pekerjaan mahupun sikap mereka terhadap urusan rumah tangga. Ini adalah kerana kita sering

30. Schneider, D., Social Psychology, Addison Wesley Publishing Company, 1975. Hal. 261.

terdengar akan ketidakstabilan keluarga ataupun sikap wanita telah berubah baik sikap mereka terhadap pekerjaan, pergaulan ataupun rumah tangga. Ini mungkin disebabkan oleh zaman yang serba maju di mana masing-masing mengejar kemajuan. Maka masing-masing adalah sibuk dengan tugas-tugas mereka sehingga timbul satu keadaan di mana terdapat "jurang" di antara mereka dan hubungannya dengan keluarga tidaklah begitu erat jika dibandingkan dengan zaman dulu. Dengan itu, tentulah terdapat beberapa perubahan dalam sikap wanita sekarang yang telah dipengaruhi oleh peranan yang dimainkan dalam dunia yang serba maju ini.

Perubahan sikap wanita bolehlah dikatakan berpunca dari perubahan masyarakat dan pandangan masyarakat terhadap kaum wanita. Pada zaman dulu, peluang pelajaran adalah terhad kepada kaum lelaki sahaja. Kaum wanita tidak diberi peluang untuk mencungkil bakat mahupun kepandaianya. Kaum wanita hanya diberi peluang bekerja di bidang-bidang di mana mereka adalah orang "bawahan" kaum lelaki ataupun tidak memerlukan kemahiran. Dalam dunia pekerjaan, kaum wanita telah kalah dalam pengkhususan kerja ini. di mana kerja-kerja telah diklasifikasikan kepada kerja "lelaki" atau "wanita" dan tidak kepada kebolehan seseorang individual.

"For too long jobs have been classified either as "men's" or "women's" work rather than as that of the individual best fitted for the purpose regardless of sex."³¹

31. Ross, Davies, Women and Work, Hutchinson & Co. (Published) Ltd., 1975. Hal. 13.

Ramai kaum wanita juga rasa bahawa dengan mengabaikan kemahiran wanita, mereka tidak dapat kepuasan untuk diri mereka malahan menjadi satu pembaziran kepada ekonomi negara.

"In a man's world, women have been the losers in this division of labour. A higher proportion of women's jobs are unskilled, menial, repetitive or poorly-paid than men's. Yet women are intrinsically no less and no more intelligent, ingenious or adaptable than men. It follows that more women than men are denied the opportunity to use their individual gifts to best advantage in their work. The benefits of those abilities are therefore lost not only to the women concerned but to their employments and hence to the economic well-being of the country in which they live and work. It is a waste, and one that more and more women are beginning to sense."³²

Dengan itu terdapat perubahan terhadap sikap wanita di mana mereka rasa bahawa adalah suatu pembaziran jika mereka tidak menyumbangkan tenaga mereka terhadap kemajuan dan pembangunan negara.

Kaum wanita juga merasa status mereka sebagai seorang suri rumah tangga tidak mempunyai makna lagi. Mereka rasa mereka adalah terasing dari masyarakat dan terlalu bergantung kepada suami secara ekonomi,

"For it meant being non-productive, economically dependent and isolated and apart from the society."³³

32. Ibid. Hal. 13.

33. Fransella and Frost, Woman On Being Woman, Tavistock Publications, London, 1977. Hal. 18.

Jadi, kita boleh lihat bahawa kini terdapat semakin ramai wanita yang ingin bekerja jika dibandingkan dengan zaman dulu. Mereka yang telah berkahwin tidak lagi memberi perkahwinan sebagai satu alasan untuk berhenti kerja. Pekerjaan bagi wanita pada zaman ini tidak lagi merupakan satu finomina yang sementara di mana ia akan berhenti kerja selepas ia berkahwin atau ada anak. Kebanyakan mereka akan terus bekerja walaupun selepas berkahwin atau beranak. Kumpulan wanita ini adalah kebanyakannya tergolong dalam bidang pekerjaan profesional.

"A large majority of girls today take it for granted that they will work after marriage, and single women with professional qualifications are more likely than other single women to assume that even after marriage they will continue permanently in full-time work."³⁴

Ahli sosiologi seperti Goode dan Halt (1971) pula mengaitkan hal perubahan sikap wanita dengan proses perindustrian yang berlaku di dalam negara di mana kaum wanita berlumba-lumba dengan kaum lelaki untuk mendapatkan jawatan tinggi. Mereka juga lebih suka mengawal wang mereka sendiri dan tidak selalu bergantung kepada suaminya secara ekonomi ataupun "financially independent".

Jadi sebagai kesimpulan, boleh dikatakan perubahan sikap wanita ini adalah dikaitkan dengan perubahan terhadap peranan yang dipegang oleh kaum wanita itu sendiri. Ini adalah disebabkan oleh "multiple roles" wanita pada zaman sekarang kerana peranan wanita

34. Women and Top Jobs - An Interim Report, Metchim & Son, Ltd., PEP. Hal. 9.

tidak lagi terhad hanya pada rumah tangga sahaja tetapi juga pada pekerjaan di luar daripada rumah.

BAB III

PELAJARAN DAN PERANAN WANITA DALAM PEKERJAAN DI MALAYSIA

Kelayakan dari segi akademik biasanya menjadi ukuran utama oleh dunia moden bagi memenuhi sesuatu jawatan. Kepentingan pelajaran tidak dinafikan sebab faktor pelajaran merupakan suatu faktor yang menyebabkan perubahan dalam sistem pekerjaan di dalam masyarakat moden.³⁵ Oleh yang demikian, kelulusan akademik dapat menempatkan seseorang dalam pekerjaan yang setimpal dengan kebolehannya. Kelulusan yang rendah hanya membolehkan seseorang itu memegang pekerjaan yang rendah statusnya manakala kelulusan yang tinggi membolehkan seseorang itu memegang jawatan yang lebih tinggi statusnya seperti pekerjaan profesional. Walaubagaimanapun ada kecualian dalam setengah-setengah pekerjaan tetapi pada amnya, kelulusan akademiklah yang menentukan peluang pekerjaan seseorang wanita itu.

3.1 PELAJARAN DAN LATIHAN

Penyertaan kaum wanita dalam sesuatu pekerjaan boleh dicerminkan dalam jumlah pendaftaran mereka di sekolah dan institusi

35. David Sills (ed.), International Encyclopedia of the Social Sciences, The Macmillan Company & The Free Press, New York, Volume II. Hal. 536.

pengajian tinggi. Di Malaysia dalam tempuh 1975-80, jumlah pendaftaran murid perempuan dalam sekolah rendah dan menengah masing-masing telah bertambah sebanyak 1% dan 6.5% setahun kepada 812,914 dan 474,646 orang.³⁶

JADUAL 2

PERATUSAN PERTAMBAHAN PENDAFTARAN MURID-MURID LELAKI DAN PEREMPUAN PADA TAHUN 1975 & 1980

TAHUN	PEREMPUAN	LELAKI
1975	53.0%	63.0%
1980	74.0%	77.0%

Apa yang lebih penting ialah bahawa sungguhpun 53.0% daripada murid perempuan dalam kumpulan umur persekolahan tingkat menengah berbanding dengan 63.0% bagi murid lelaki telah didaftarkan dalam sekolah menengah pada tahun 1975, peratusan bagi murid perempuan ini telah meningkat kepada 74.0% dalam tahun 1980. Ini adalah agak lebih setanding dengan peratusan sebanyak 77.0% bagi murid lelaki dalam tahun yang sama.³⁷

-
36. Laporan Ekonomi, 1982/83, Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur. Hal. 181.
37. Ibid. Hal. 181.

Peluang yang lebih bagi mengikut latihan bekerja dan latihan pra-kerja juga diberikan kepada kaum wanita di Malaysia. Melalui berbagai program pendidikan dan latihan vokesyenal kerajaan dan swasta. Pendaftaran murid perempuan dalam sekolah vokesyenal dan teknikal telah pada kadar purata sebanyak 11.5% setahun sejak tahun 1975 kepada 4,887 orang pada akhir tahun 1980. Dalam tempuh yang sama, kemasukan wanita ke institusi latihan perguruan telah bertambah sebanyak 14.1% setahun kepada 5,267 orang. Dalam tahun 1980, 49% daripada jumlah guru pelatih adalah terdiri daripada kaum wanita berbanding dengan 44% dalam tahun 1975. Pendaftaran pelajar wanita dalam berbagai kursus di Institut Teknologi MARA dan lain-lain politeknik telah mencatatkan pertambahan sebanyak 11.3% menjadikan jumlah sebanyak 4,425 orang dalam tahun 1980.

Di peringkat pengajian tinggi, bilangan pendaftaran penuntut wanita di universiti-universiti tempatan turut meningkat sebanyak 10% setahun kepada 9,118 orang dalam tahun 1980 berbanding dengan 5,632 orang pada tahun 1975, dan ini merupakan 35% daripada jumlah pendaftaran penuntut universiti pada tahun 1980 berbanding dengan 30% pada tahun 1975.³⁸ Pertambahan ini bukan sahaja mencerminkan bahawa kaum wanita telah mempergiatkan usaha dalam bidang pelajaran, tetapi juga mengukur sejauh manakah penyertaan kaum wanita dalam bidang ekonomi di pasaran ekonomi buruh pada

38. Bahagian Perancang dan Penyelidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, dalam Laporan Ekonomi 1982/83, Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1982.

masa hadapan. Gambaran yang lebih jelas dapat dilihat dalam Jadual 3.

JADUAL 3

BILANGAN PENDAFTARAN WANITA DALAM BERBAGAI
LATIHAN DAN PENGAJIAN

	1975	1980	Peratusan Pertambahan (setahun)
Latihan Vokesyenal (swasta & kerajaan)	2,653	4,887	11.5%
Institut Latihan Perguruan	2,463	5,267	14.1%
Teknologi MARA	3,925	4,425	11.3%
Penuntut-Penuntut Wanita Di Universiti- Universiti Tempatan	5,632	9,118	10.0%

JADUAL 4

UNIVERSITI MALAYA: PENUNTUT-PENUNTUT MENGIKUT

FAKULTI DAN JANTINA: 1975-76 & 1977-78

FAKULTI	1975-76			1977-78		
	Jumlah Penuntut	Jumlah Perempuan		Jumlah Penuntut	Jumlah Perempuan	
		No.	%		No.	%
Ekonomi & Pentadbiran	1,344	402	29.9	1,170	391	33.4
Sastera & Sains Sosial	2,314	947	40.9	2,152	914	42.5
Undang-Undang	211	103	48.8	212	86	40.6
Kejuruteraan	807	20	2.5	814	23	2.8
Pergigian	125	73	58.4	130	78	60.0
Perubatan	670	149	22.2	704	169	24.0
Sains	1,715	594	34.6	1,799	653	30.0
Jumlah	7,186	2,288	31.8	6,981	2,314	33.1

Puncas: Federation of Malaysia, University of Malaya, 1977,
Jadual 5. Hal. 55.

Federation of Malaysia, University of Malaya, 1979,
Jadual 1. Hal. 154.

Dalam Jadual 4 di atas menunjukkan bilangan pelajar-pelajar wanita di sebuah universiti tempatan, iaitu Universiti Malaya pada tahun-tahun 1975-76 dan 1977-78. Pengkaji telah mengambil contoh dari universiti ini kerana universiti ini merupakan universiti yang paling tua di Malaysia dan telah ditubuhkan pada 1hb Januari 1962.³⁹ Dari jadual didapati bahawa kursus-kursus seperti kejuruteraan, bilangan pelajar wanita adalah amat kecil sekali, iaitu dua puluh tiga orang (2.8%) pelajar wanita dibandingkan dengan 791 orang (97.2%) pelajar lelaki pada tahun 1977-78. Keadaan ini tidak banyak berubah dari tahun 1975-76 di mana pelajar wanita hanya merupakan 2.5% dari jumlah pelajar kejuruteraan. Jadi, kelihatan bahawa dalam bidang kejuruteraan masih adalah "male-dominated" kerana terlalu sedikit bilangan wanita dalam kursus ini. Dalam kursus-kursus yang lain boleh dikatakan terdapat semakin ramai kaum perempuan. Dari segi peratusan, hanya di dalam bidang undang-undang terdapat penurunan peratusan dari 48.8% ke 40.6%. Dalam kursus pergigian pula, terdapat lebih pelajar wanita dari pelajar lelaki. Dalam tahun 1975-76, pelajar wanita dalam kursus pergigian ialah 58.4% telah meningkat ke 60.0% pada tahun 1977-78.

39. Maklumat Pelajar, Pustaka Zakry Abadi, Kuala Lumpur.

3.2 PERANAN KAUM WANITA DALAM PEKERJAAN

JADUAL 5

PEKERJA WANITA: PERTAMBAHANNYA

TAHUN	1975	1980
Jumlah wanita yang bekerja	1.35 juta	1.57 juta
Pertambahannya	3.8% setahun	
Penyertaan pekerja kaum wanita setiap 100 pekerja lelaki	54.8	56.2

Tingkat kemajuan ekonomi yang dicapai oleh wanita dalam sesebuah masyarakat merupakan ukuran mengenai kedudukan mereka dalam masyarakat itu. Di Malaysia, bilangan pekerja wanita telah bertambah sebanyak 3.8% setahun dari 1.35 juta⁴⁰ orang dalam tahun 1975 kepada 1.57 juta⁴¹ orang dalam tahun 1979 dan dengan itu peratusan bilangan pekerja wanita dari jumlah tenaga buruh telah meningkat sedikit daripada 35.4% kepada 36.0%.

-
40. Jabatan Perangkaan Malaysia, Lapuran Penyiasatan Tenaga Buruh, 1975, dalam Lapuran Ekonomi, op. cit. Hal. 180.
41. Jabatan Perangkaan Malaysia, Lapuran Penyiasatan Tenaga Buruh, 1979, dalam Lapuran Ekonomi, op. cit. Hal. 180.

Pada tahun 1975, terdapat seramai 54.8 pekerja wanita bagi setiap 100 pekerja lelaki dan nisbah ini telah meningkat kepada 56.2 pekerja wanita bagi setiap 100 pekerja lelaki pada tahun 1979. Malahan, kadar penyertaan tenaga buruh bagi wanita sebanyak 47.84% dalam tahun 1979, adalah 1% lebih daripada kadar bagi tahun 1975. Walaubagaimanapun, kadar tersebut di kawasan luar bandar sebanyak 49.3% masih merupakan kadar yang lebih tinggi berbanding dengan 45.0% di kawasan bandar. Ini mencerminkan tumpuan terhadap kegiatan Pertanian di luar bandar dan menunjukkan bahawa tempat bekerja yang berdekatan dengan tempat kediaman membolehkan kaum wanita di luar bandar menjalankan kedua-dua kerja rumah dan kegiatan tersebut. Di sebaliknya, kadar penyertaan tenaga buruh bagi lelaki sebanyak 84.8% dalam tahun 1979 adalah dua kali lebih tinggi daripada kadar penyertaan bagi pekerja wanita.⁴²

42. Laporan Ekonomi, op. cit. Hal. 180-181.

JADUAL 6

SEMPENANJUNG MALAYSIA: TABURAN PERATUS ORANG-ORANG YANG BEKERJA

MENGIKUT SEKTOR UTAMA, PEKERJAAN UTAMA DAN JANTINA,

1975 DAN 1979

<u>Sektor/Pekerjaan</u>	<u>Lelaki</u>		<u>Perempuan</u>	
	<u>1975</u>	<u>1979</u>	<u>1975</u>	<u>1979</u>
Sektors:				
Pertanian	38.2	32.5	50.3	43.8
Perusahaan	29.3	34.9	19.1	22.6
Perkhidmatan	32.5	32.6	30.6	33.6
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0
Pekerjaan:				
Iktisas dan Teknik	5.5	5.6	5.6	6.6
Pentadbiran & Pengurusan	1.9	2.0	0.1	0.2
Perkerian	6.9	7.3	7.4	9.8
Jualan	11.6	11.5	8.0	8.3
Pekerja Perkhidmatan	6.8	7.6	10.7	11.6
Pertanian, Ternakan, Perhutanan, Perikanan dan Pemburuan	37.6	30.9	50.0	42.8
Pengeluaran, Pengendali Alat- alat Pengangkutan dan Buruh	29.6	35.0	18.1	20.7
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Merujuk kepada Jadual 6 di atas dalam tempuh 1975-79, sebahagian besar daripada jumlah wanita Malaysia yang bekerja adalah terlibat dalam sektor pertanian walaupun jumlahnya semakin berkurangan. Dengan adanya keadaan ekonomi yang dinamis serta pertumbuhan perindustrian dan perkembangan perdagangan dan perniagaan, penyertaan kaum wanita dalam bidang perniagaan, iktisas dan pengeluaran barang-barang dan perkhidmatan pengguna telah juga meningkat selaras dengan pencapaian taraf pelajaran yang tinggi oleh mereka.⁴³

Bilangan pekerja wanita di peringkat iktisas dan teknikal telah bertambah sebanyak 8.2% setahun sejak tahun 1975 kepada kira-kira 103,930 orang dalam tahun 1979 dan kebanyakannya terdiri daripada guru dan jururawat dan sebilangan kecil sahaja terdiri daripada pekerja profesional dan teknikal yang lain. Bagaimanapun dalam tempuh 1970-82 bilangan jurutera wanita telah meningkat dari seorang kepada 38 orang⁴⁴ dan dengan ini telah memperbaiki nisbah jurutera wanita daripada 0.95 kepada 7.55 bagi setiap 1,000 jurutera lelaki. Di samping itu pada akhir bulan Jun, tahun 1982, terdapat seramai 208 peguam wanita atau 16% daripada sejumlah 1,334 para peguam dalam sektor swasta.⁴⁵ Demikian juga dengan bilangan doktor wanita yang telah bertambah. Dalam tempuh 1975-80, universiti-

43. Ibid. Hal. 181.

44. Institusi Jurutera Malaysia, dalam Laporan Ekonomi, 1981/82, ibid. Hal. 181.

45. Majlis Peguam Malaysia, dalam Laporan Ekonomi, 1981/82, ibid. Hal. 181.

universiti tempatan telah mengeluarkan kira-kira 140 doktor wanita atau 22.0% daripada jumlah doktor yang dilatih di institusi-institusi dalam negeri dalam tempuh yang sama.

Banci Pertubuhan-pertubuhan Profesional dan Yayasan di Semenanjung Malaysia bagi tahun rujukan 1979 telah meliputi sejumlah lapan profesi yang dipilih. Mengikut banci tersebut, hanya mereka yang menjadi ahli dalam pertubuhan-pertubuhan profesional akan diambil kira. Sila rujuk ke Jadual 7.

JADUAL 7

PEKERJAAN PROFESIONAL SEMENANJUNG MALAYSIA, 1979⁴⁶

Pekerjaan Profesional	Jumlah Warganegara Malaysia & Bukan M'sia	Warganegara Malaysia			Bukan Warganegara Malaysia		
		Jum.	Lelaki	Perem.	Jum.	Lelaki	Perem.
1. Akauntan	382	379	280	99	3	3	-
2. Jurubina I	171	158	142	16	13	11	2
3. Jurubina II*	2	2	2	-	-	-	-
4. Dentis I	29	29	22	7	-	-	-
5. Doktor	273	273	216	56	-	-	-
6. Jurutera	694	675	656	19	19	19	-
7. Peguam	301	296	182	114	5	2	3
8. Jurukur	163	149	139	10	14	14	-
9. Doktor Veterinar	3	3	3	-	-	-	-
Jumlah	2,018	1,963	1,642	321	55	50	5

* Ialah tukang-tukang pelan dan lain-lain orang yang diberi kuasa khas yang disenaraikan di dalam "Daftar Orang-orang yang diberi Kuasa Khas, Bahagian II", di bawah Ordinan Jurubina No. 48 1951, tetapi tidak akan termasuk mana-mana orang yang berkelayakan berdaftar di bawah "Akta Pendaftaran Jurukur-jurukur 1967. Mereka dibenarkan mengamal profesi tertakluk kepada sekatan-sekatan yang dijelaskan di dalam Ordinan.

46. Angka-angka di dalam Jadual 7 telah dipetik dari Banci Pertubuhan-Pertubuhan Profesional dan Yayasan, Sektor Swasta, Semenanjung Malaysia, Jabatan Perangkan, Malaysia, Kuala Lumpur, Mei 1982 dari hal. 26, 29, 36, 45, 61, 70, 79, 88 & 99.

Dari Jadual 7 di atas, didapati bahawa hanya 321 orang perempuan profesional warganegara Malaysia yang menjadi ahli dalam Persatuan Profesional dibandingkan dengan 1,642 orang lelaki profesional. Walaubagaimanapun angka-angka ini tidak boleh dianggap sebagai jumlah mutlak penyertaan wanita dalam pekerjaan profesional sebab sebilangan besar tidak menjadi ahli dalam Persatuan Profesional. Misalnya, dalam tempuh 1975-80, terdapat 140 orang doktor wanita yang dikeluarkan oleh universiti-universiti tempatan dan jumlah ahli dalam Persatuan Perubatan ialah hanya 56 orang. (Sila rujuk kepada Jadual 5).

Penyertaan wanita iktisas dan teknikal telah bertambah daripada sebanyak 34.9% dalam tahun 1975 kepada sebanyak 39.3% dalam tahun 1979 sementara penyertaan mereka di peringkat pentadbiran dan pengurusan telah bertambah sebanyak 3.7% kepada 6.0%, berikutan dengan kelulusan seramai 7,955 siswazah wanita daripada universiti-universiti tempatan dalam tempuh 1975-79. Bagaimanapun, bilangan pekerja wanita di peringkat pentadbiran dan teknikal merupakan hanya 0.2% daripada jumlah pekerja wanita dalam tahun 1979. Sementara itu, bilangan wanita yang bekerja sebagai kerani bertambah sebanyak 11.4% setahun kepada 154,320 orang dalam tahun 1979 dan merupakan 42.1% daripada jumlah pekerja kerani berbanding dengan 35.8% dalam tahun 1975.⁴⁷

47. Laporan Ekonomi 1982/83, ibid. Hal. 182.

Sektor perkhidmatan yang menjadi semakin penting dalam ekonomi Malaysia telah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi kaum wanita. Ini dapat dilihat dari pertambahan peratusan jumlah pekerja wanita yang terlibat dalam sektor tersebut, iaitu 11.6% dalam tahun 1979 berbanding dengan 10.7% dalam tahun 1975 (Jadual 5). Peratusan pekerja wanita yang bertugas sebagai pekerja pengeluaran, pengendali alat-alat pengangkutan dan buruh juga meningkat daripada 18.1% kepada 20.7% sementara peratusan pekerja wanita yang bertugas dalam aktiviti pembuatan daripada 17.0% dalam tahun 1975 kepada kira-kira 20.0% dalam tahun 1979.

Di peringkat pegawai kerja, pegawai wanita merupakan 34.0% daripada jumlahnya berbanding dengan 28.0% dalam tahun 1977. Jumlah pegawai wanita dalam perkhidmatan pentadbiran diplomatik pula bertambah sebanyak 7.1% setahun kepada 284 orang berbanding dengan 201 orang dalam tahun 1977. Dengan ini, nisbah pegawai wanita kepada lelaki dalam perkhidmatan pentadbiran dan diplomatik bertambah baik dari 1 : 7.93 dalam tahun 1977 kepada 1 : 7.25 dalam tahun 1982. Peratusan pegawai wanita kepada jumlah yang menduduki jawatan tingkatan tertinggi juga bertambah kepada 7.0% dalam tahun 1982 dari 2.0% dalam tahun 1977.⁴⁸

48. Laporan Ekonomi 1982/83, ibid. Hal. 182.

Jadi, bolehlah dikatakan di sini bahawa pelajaran merupakan satu faktor yang penting dalam menentukan jenis pekerjaan seseorang itu. Pelajaran yang tinggi serta latihan telah membolehkan kaum wanita pada zaman ini melibatkan diri dalam pekerjaan profesional.

IV. LOKASI PELAJARAN

Kemudahan pelajaran yang diberikan kepada kaum wanita adalah ditunjukkan pada tabel 200, jarak pendek antara 0-10 kilometer. Kemudahan tersebut dibangun bagi memudahkan wanita dalam bidang pelajaran dan mengurangkan waktu perjalanan pergi pulang sekolah. Dari segi jarak pendek pelajaran dibangun banyak sekali, terutamanya di kawasan bandar. Maka tidak ada seorang pun yang perlu jauh-jauh pergi ke luar bandar untuk mendapat pelajaran. Selain itu, kerajaan Malaysia memberi perhatian terhadap pendidikan wanita dan kawasan yang bersifat perkotaan.

Dari 200 wira pengajian wanita seluruh negara yang dilaksanakan dalam kelulusan pertama, responden-survei yang berasal dari perempuan dan aktif wanita dalam pelajaran profesional. Misalnya, guru, kakit perkhidmatan, koperasi wanita, pelajar dan pelajar.

49. Data Dr. Ray Daily Asia, *Engagement Survey Results for Primary School Girls in Indonesia 1998*, Jakarta, 1998, Vol. 1.
50. *The Straits Times*, 26 October, 1993, Vol. 3.

BAB IV

LATAR BELAKANG SOSIO-EKONOMI

4.1 LATAR BELAKANG RESPONDEN

Kaum wanita merupakan 49.5% daripada penduduk Malaysia. Adalah dijangkakan pada tahun 2000, jumlah penduduk wanita ialah 9.3 juta orang. Memandangkan kepada bilangan, kebolehan serta kesanggupan wanita dalam bidang pekerjaan kini ternyata adalah kaum wanita memainkan peranan yang semakin penting dalam usaha-usaha bagi mencapai kemajuan samada di bidang ekonomi, sosial dan politik.⁴⁹ Mengikut Jabatan Tenaga Buruh, kira-kira 38.0% atau 31,397 dari 81,887 orang yang telah mendaftarkan diri untuk mendapatkan kerja di Semenanjung Malaysia adalah terdiri dari kaum wanita.⁵⁰ Ini jelas menunjukkan terdapat sebilangan besar dari kaum wanita yang masih mencari pekerjaan.

Jadi, di sini pengkaji cuba melihat bagaimana latar belakang peribadi responden-responden yang ditemui mempengaruhi peranan dan sikap wanita dalam pekerjaan profesional. Misalnya, umur, taraf perkahwinan, tempat asal, pelajaran, saiz keluarga, pekerjaan

49. Datin Dr. Nor Laily Aziz, Kertaskerja Seminar Wanita dan Pertubuhan Wanita Sukarela Anjuran LPKN, Kuala Lumpur, 1979. Hal. 8.

50. New Straits Times, 2hb Oktober, 1983. Hal. 3.

ibu bapa dan sebagainya mempunyai kaitan di antara satu sama lain dalam menentukan jenis pekerjaan, pendapatan responden serta sebab-sebab mereka terus bekerja.

Dalam kajian ini, pengkaji telah bertemu-bual dengan 30 orang responden wanita yang terlibat dalam bidang pekerjaan profesional. Antara pekerjaan-pekerjaan profesional yang dipegang oleh mereka adalah seperti doktor, doktor gigi (dentis), akauntan, pensyarah, peguam, pengurus, jurutera, jurubina, pengarah dan pegawai-pegawai bank yang bekerja di Kuala Lumpur.

JADUAL 8

JENIS PEKERJAAN

JENIS PEKERJAAN	BILANGAN RESPONDEN	PERATUS (%)
DOKTOR	4	13.3
DOKTOR GIGI (DENTIS)	2	6.7
AKAUNTAN	3	10.0
PENSYARAH	4	13.3
PEGUAM	2	6.7
PENGURUS	2	6.7
JURUTERA	3	10.0
JURUBINA	3	10.0
PENGARAH	4	13.3
PEGAWAI-PEGAWAI BANK	3	10.0
JUMLAH	30	100.0

Dari Jadual 8 didapati bahawa pengkaji cuba mendapat pandangan wanita yang bekerja dalam berbagai jenis pekerjaan profesional.

Untuk mendapatkan suatu sampel yang menggambarkan keadaan penduduk yang berbilang kaum, responden-responden yang dipilih adalah terdiri daripada tiga bangsa yang besar di negara kita iaitu Melayu, Cina dan India.

JADUAL 9
BANGSA RESPONDEN

BANGSA	BILANGAN RESPONDEN	PERATUS (%)
MELAYU	17	56.7
CINA	10	33.3
INDIA	3	10.0
JUMLAH	30	100.0

Seterusnya, kita perhatikan pula jadual umur bagi golongan wanita dalam bidang pekerjaan profesional.

JADUAL 10

UMUR RESPONDEN

UMUR	KAHWIN		BUJANG	
	BILANGAN RESPONDEN	%	BILANGAN RESPONDEN	%
20-24	0	0	5	16.7
25-29	4	13.3	9	30.0
30-34	6	20.0	0	0
35-39	4	13.3	1	3.3
40-44	1	3.3	0	0
45-49	0	0	0	0
50-54	0	0	0	0
JUMLAH	15	50.0	15	50.0

Dari Jadual 10 didapati bahawa golongan responden yang terbesar yang sudah berumahtangga adalah di antara 30-34 tahun (20.0%). Manakala golongan terbesar responden yang masih bujang (30.0%) adalah berumur di antara 25-29 tahun. Ini menunjukkan sebilangan besar yang masih ingin menumpukan perhatian mereka dengan sepenuhnya dalam pekerjaan mereka. Juga terdapat seorang responden yang berumur di antara 35-39 tahun yang masih belum berumahtangga. Walaubagaimanapun, wanita yang sudah berumahtangga juga boleh menggabungkan tugas-tugas di luar rumah tangga iaitu "public job" mereka dengan tugas-tugas mereka sebagai isteri, ibu dan suri rumah tangga. Terdapat 3.3% atau seorang wanita yang berumur di antara 40-44 tahun yang masih lagi memegang jawatan di luar rumah.

Seperti mana yang kita ketahui di Kuala Lumpur, terdapat bidang pekerjaan yang begitu meluas samada di sektor awam ataupun di sektor swasta. Jadi, kaum wanita dan kaum lelaki mempunyai peluang yang banyak untuk mendapatkan pekerjaan-pekerjaan tersebut walaupun mereka terpaksa meninggalkan kampung halaman mereka demi mendapatkan pekerjaan. Oleh yang demikian, pengkaji ingin melihat sejauh manakah kaum wanita sanggup meninggalkan tempat asal mereka.

JADUAL 11

TEMPAT ASAL RESPONDEN

TEMPAT ASAL (NEGERI)	BILANGAN RESPONDEN	PERATUS (%)
PERLIS	0	0
KEDAH	1	3.3
PERAK	2	6.7
PULAU PINANG	4	13.3
KELANTAN	3	10.0
TRENGGANU	2	6.7
SELANGOR	3	10.0
WILAYAH PERSEKUTUAN	4	13.3
MELAKA	2	6.7
NEGERI SEMBILAN	2	6.7
PAHANG	3	10.0
JOHOR	4	13.3
SABAH	0	0
SARAWAK	0	0
JUMLAH	30	100.0

Dengan itu, jelaslah bahawa ramai dari orang-orang yang bekerja di Kuala Lumpur adalah terdiri dari kaum imigran yang berhijrah ke sini dengan tujuan mencari pekerjaan. Responden-responden yang bekerja di sini berasal luar dari bandaraya Kuala Lumpur

ini tetapi kini telah menetap di sini kerana terikat dengan jawatan masing-masing. Cuma terdapat 13.3% dari mereka yang tinggal di Kuala Lumpur sejak dilahirkan lagi manakala 86.7% terdiri dari pekerja-pekerja yang berasal dari desa, pekan dan bandar-bandar lain di merata tempat di Malaysia.

JADUAL 12

TEMPAT ASAL RESPONDEN

TEMPAT ASAL	BILANGAN RESPONDEN	PERATUS (%)
KAMPUNG/DESA	2	6.7
PEKAN	3	10.0
BANDAR	21	70.0
BANDARAYA	4	13.3
JUMLAH	30	100.0

Walaupun pekerja-pekerja golongan profesional ini berasal dari luar Kuala Lumpur, kebanyakannya mereka (70%) adalah berasal dari bandar. Finomina ini boleh dikaitkan dengan faktor kemudahan-kemudahan yang terdapat di bandar-bandar yang mungkin kurang didapati di luar bandar seperti di desa atau pekan. Misalnya, dari segi pelajaran kebanyakannya sekolah-sekolah tinggi dan institusi pelajaran tinggi seperti universiti adalah terletak di bandar-bandar.

Pelajaran adalah satu angkubah sosio-budaya yang amat penting bagi penglibatan seseorang dalam bidang pekerjaan profesional. Ini adalah disebabkan pekerjaan profesional memerlukan kelulusan pelajaran yang tinggi sekurang-kurangnya diploma atau ijazah sarjana muda dan kemahiran yang hanya khas untuk bidang itu sahaja. Biasanya faktor pelajaranlah yang menentukan penglibatan dalam pekerjaan. Pelajaran boleh meninggikan peluang seseorang dalam mendapatkan sesuatu pekerjaan. Selain dari itu pelajaran juga dapat mendedahkan diri ke alam yang lebih luas misalnya mengikuti perkembangan yang berlaku di sekitar dan mengubah sikap seseorang. Pelajaran juga penting bagi membolehkan seseorang itu bertindak secara rasional dalam "decision-making".

JADUAL 13

TINGKAT PELAJARAN

TINGKAT PELAJARAN	BILANGAN RESPONDEN	PERATUS (%)
DIPLOMA	2	6.7
IJAZAH SARJANA MUDA	20	66.7
IJAZAH SARJANA	5	16.6
IJAZAH KEDOKTORAN	3	10.0
JUMLAH	30	100.0

Dari Jadual 13, kebanyakan dari golongan wanita dalam bidang pekerjaan profesional adalah dari tingkat pelajaran Ijazah Sarjana Muda (66.7%). Daripada jumlah 30 orang responden, pengkaji hanya dapat menemubual 10.0% sahaja kaum wanita yang mempunyai Ijazah Kedoktoran. Terdapat beberapa sebab mengapa responden tidak melanjutkan pengajian mereka ke peringkat Ijazah Kedoktoran. Di antara alasan yang mereka berikan ialah sebab-sebab kekurangan masa (50.0%), peribadi (20.0%), pengalaman lebih penting (20.0%) dan 10.0% lagi mengatakan mereka akan melanjutkan lagi pelajaran mereka di masa akan datang.

4.2 LATAR BELAKANG KELUARGA RESPONDEN

Dalam kajian ini, pengkaji dapati latar belakang keluarga responden juga penting dalam mempengaruhi sikap dan peranan wanita dalam pekerjaan profesional. Biasanya saiz keluarga boleh menyebabkan faktor ketidakmampuan keluarga. Ini mungkin menyebabkan ada di antara anak-anak mereka yang terpaksa mengambil keputusan untuk berhenti sekolah dan seterusnya mencari wang bagi menampung perbelanjaan adik-beradik yang masih di bangku sekolah. Keadaan ini adalah benar wujud di kalangan mereka yang datang dari keluarga yang miskin. Tetapi apabila dikaji, kebanyakan dari golongan wanita profesional ini merupakan golongan yang berasal dari keluarga yang merupakan kelas atasan dan kelas menengah. Kedudukan status bapa boleh mempengaruhi pelajaran dan pekerjaan anak-anak. Terdapat satu

hubungan yang rapat di antara status pekerjaan bapa dengan pekerjaan anak-anaknya, misalnya di dalam bidang perubatan. Terdapat 13.3% atau 4 orang responden yang bekerja sebagai doktor mempunyai bapa yang menjadi doktor juga. Bak kata pepatah Melayu "Kemana tumpahnya kueh kalau tidak ke nasi". Di dalam bidang yang lain, mungkin mereka tidak mengikut jejak langkah ibubapa mereka tetapi mereka berjaya mendapatkan tingkat pelajaran yang sempurna yang membolehkan mereka memegang jawatan pekerjaan profesional. Ini mungkin disebabkan oleh faktor kewangan yang agak stabil di dalam keluarga.

JADUAL 14

HUBUNGAN SAIZ KELUARGA DENGAN KESTABILAN KEWANGAN

BILANGAN ADIK-BERADIK	BILANGAN RESPONDEN	PERATUS(%)
1 - 2	4	13.3
3 - 4	10	33.3
5 - 6	6	20.0
7 - 8	8	26.7
9 - 10	2	6.7
JUMLAH	30	100.0

Dari Jadual 14, 33.3% dari responden mempunyai 3 - 4 orang adik-beradik manakala golongan responden yang mempunyai bilangan adik-beradik seramai 7 - 8 orang ialah 26.7%. Jadi, di sini saiz keluarga tidak menghadkan tingkat pelajaran responden.

JADUAL 15

JENIS PEKERJAAN IBU-BAPA

JENIS PEKERJAAN	BAPA RESPONDEN		IBU RESPONDEN	
	BILANGAN	%	BILANGAN	%
PROFESIONAL	6	20.0	3	10.0
PERNIAGAAN (BESAR-BESARAN)	8	26.7	0	0
PERNIAGAAN (KECIL-KECILAN)	6	20.0	0	0
GURU	4	13.3	6	20.0
JURURAWAT	0	0	1	3.3
KERANI	2	6.7	0	0
PERTANIAN DAN PEKERJAYAAN BERKAITAN	2	6.7	0	0
SURI RUMAH	0	0	20	66.7
BERSARA	2	6.7	0	0
JUMLAH	30	100.0	30	100.0

Jelas kelihatan dari jadual di atas bahawa 20.0% dari responden mempunyai bapa yang mempunyai pekerjaan profesional. Golongan responden ini boleh dikatakan mengikuti jejak langkah bapa mereka di mana mereka juga telah menceburkan diri di dalam bidang pekerjaan profesional. Terdapat 26.7% iaitu golongan responden yang terbesar yang mempunyai bapa yang berkecimpung di dalam lapangan perniagaan secara besar-besaran. Golongan ini tidak mempunyai bapa yang berpelajaran tinggi. Sebaliknya keluarga mereka mempunyai taraf kewangan yang mencukupi untuk membiayai

pelajaran tinggi mereka. Oleh itu kedua golongan ini, tidak terdapat banyak halangan bagi mereka untuk memasuki bidang pekerjaan profesional. Di samping itu, kita tidak harus lupa tentang segolongan kecil responden yang berasal dari keluarga yang agak miskin. Bagi golongan yang kecil ini (6.7%) mereka mempunyai bapa yang merupakan petani di kampung dan telah berjaya memegang pekerjaan profesional. Golongan ini merupakan golongan "achieved" di mana kejayaan mereka adalah merupakan daya usaha mereka sendiri. Walaupun mereka miskin, mereka berjaya mendapat bantuan kewangan dari punca-punca lain seperti biasiswa kerajaan ataupun biasiswa swasta. Ini merupakan satu "trend" di kalangan pekerja-pekerja profesional yang akan datang di mana latar belakang ibu-bapa mereka tidak lagi semestinya menentukan nasib mereka.

Pekerjaan ibu mereka pula tidak begitu berkait rapat dengan pekerjaan profesional yang dipegang oleh golongan wanita ini. Kebanyakan mereka (66.7%) mempunyai ibu yang merupakan suri rumah sahaja. Hanya 10.0% ibu mereka yang memegangkan jawatan profesional. 33.3% dari mereka mempunyai ibu yang memegang "dual careers". Ini mungkin mempengaruhi sikap wanita dalam pekerjaan profesional di mana ibu mereka dapat menjalankan "dual careers" ini dengan begitu berkesan sehingga mereka ingin mengikuti sikap begitu juga.

JADUAL 16

TINGKAT PENDAPATAN SEBULAN IBUBAPA

PENDAPATAN (\$)	BAPA		IBU	
	BILANGAN RESPONDEN	%	BILANGAN RESPONDEN	%
TIADA PENDAPATAN	-	-	20	66.7
250 - 499	2	6.7	-	-
500 - 999	9	30.0	3	10.0
1,000 - 1,999	3	10.0	4	13.3
2,000 - 2,999	6	20.0	-	-
3,000 DAN LEBIH	10	33.3	3	10.0
JUMLAH	30	100.0	30	100.0

Dari Jadual 16, jelas kelihatan bahawa terdapat sebahagian besar dari bapa mereka mempunyai kestabilan kewangan yang kukuh. Antara bapa mereka yang mempunyai pendapatan yang melebihi \$1,000 sebulan ialah 63.3%.

JADUAL 17

TINGKAT PENDIDIKAN IBUBAPA

PERINGKAT PELAJARAN	BAPA		IBU	
	BILANGAN RESPONDEN	%	BILANGAN RESPONDEN	%
TIDAK BERSEKOLAH	-	-	3	10.0
SEKOLAH RENDAH	9	30.0	18	60.0
SEKOLAH MENENGAH	11	36.7	4	13.3
MAKTAB	4	13.3	2	6.7
UNIVERSITI	6	20.0	3	10.0
JUMLAH	30	100.0	30	100.0

Di sini, 100.0% dari bapa mereka mempunyai pelajaran. 70.0% dari bapa mereka telah mempunyai tingkat pelajaran sekurang-kurangnya sehingga sekolah menengah. Jadi, mungkin faktor ini boleh mempengaruhi tingkat pelajaran responden. Kemungkinan juga bapa mereka menekankan tentang kepentingan pelajaran kepada anak-anak mereka. Didapati juga bahawa biasanya didalam keluarga responden, bukan sahaja responden merupakan seorang pekerja profesional, malahan terdapat juga adik-beradiknya yang menjadi golongan profesional.

JADUAL 18

BILANGAN ADIK-BERADIK DALAM PEKERJAAN PROFESIONAL

BILANGAN ADIK-BERADIK	BILANGAN RESPONDEN	%
0	3	10.0
1 - 2	11	36.7
3 - 4	13	43.3
5 - 6	2	6.7
6 DAN LEBIH	1	3.3
JUMLAH	30	100.0

Hasil dari kajian ini, pada keseluruhan terdapat hampir kesemua responden (90.0%) mempunyai sekurang-kurangnya seorang dari keluarganya yang menjadi golongan profesional. Faktor ini menggalakkan responden bercita-cita menjadi seorang profesional juga ataupun responden dijadikan sebagai contoh kepada adik-beradiknya untuk mengikuti jejak langkahnya. Sebanyak 33.3% dari responden adalah anak sulung.

4.3 LATAR BELAKANG SUAMI

Selain daripada latar belakang responden, kita harus juga meneliti latar belakang perkahwinan responden. Mungkin faktor ini boleh memberi sumbangan kepada penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan profesional.

Kebanyakan dari responden mempunyai jenis perkahwinan pilihan sendiri (93.3%). Perkahwinan pilihan sendiri merupakan satu finomina yang moden di mana perkahwinan adalah berdasarkan cinta. Hanya 6.7% dari responden yang masih terikat kepada perkahwinan pilihan orang tua. Biasanya dianggap bahawa golongan profesional yang amat terpelajar tidak lagi terkongkong oleh tradisi. Dengan itu, terbuktilah masih terdapat sebilangan kecil di kalangan golongan profesional yang masih terikat oleh adat dan tradisi.

Oleh kerana wanita profesional ini mempunyai tingkat pelajaran yang tinggi iaitu sekurang-kurangnya di peringkat diploma, jelas kelihatan bahawa 96.6% dari suami mereka juga mempunyai tingkat pelajaran yang tinggi iaitu sekurang-kurangnya di peringkat universiti. Biasanya taraf pelajaran suaminya adalah sama ataupun lebih tinggi daripada responden.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa pelajaran merupakan satu faktor yang penting untuk menentukan pekerjaan, di sini didapati 100% pekerjaan suami responden juga adalah di dalam golongan profesional.

Dari segi pendapatan pula, suami responden biasanya mendapat pendapatan yang lebih tinggi ataupun lebih kurang sama dengan isterinya.

Jadi, boleh dikatakan bahawa suami responden adalah setaraf dengan responden dari segi pelajaran, pekerjaan dan pendapatan.

4.4 LATAR BELAKANG ANAK RESPONDEN

Responden yang melakukan "dual roles" atau dua peranan merupakan responden yang sudah berkahwin dan mempunyai anak. Bagi responden yang belum mempunyai anak, atau mempunyai anak-anak yang sudah dewasa atau mempunyai suami dan anak di seberang laut, peranan mereka adalah seolah-olah seperti responden yang belum berkahwin. Maka perhatian sepenuhnya dapat ditumpukan kepada pekerjaan luarnya itu.

Di kalangan responden (50.0%) yang telah berkahwin, hanya 13.3% dari mereka yang belum mempunyai anak.

JADUAL 19

BILANGAN ANAK RESPONDEN

BILANGAN ANAK	BILANGAN RESPONDEN	%
0	2	13.3
1	5	33.3
2	4	26.7
3	4	26.7
JUMLAH	15	100.0

Dari jadual di atas, kebanyakan dari responden (86.7%) mempunyai bilangan anak yang kurang dari empat anak. Ini menunjukkan saiz keluarga procreasi (procreation) adalah kecil.

Sebagaimana yang diketahui sebelum ini bahawa keadaan kewangan yang stabil dan stabiliti rumah tangga bukanlah faktor pembentuk saiz keluarga. Tetapi sebaliknya faktor-faktor seperti teknologi dan juga pendidikan yang berkaitan dengan teknologi merupakan faktor yang membantu dalam mengurangkan saiz keluarga dan tidak sebaliknya peningkatan.

Statistik sama yang dikongsikan kepada keluarga adalah lebih dari separuh iaitu setengah masing-masing. Selain itu mengalih-alih meraikan pernikahan, masing-masing

JADUAL 20
UMUR ANAK RESPONDEN

UMUR ANAK	BILANGAN ANAK
1 - 2	11
3 - 4	2
5 - 6	2
7 - 8	2
9 - 10	2
11 - 15	3
16 - 20	1
21 - 25	1

Seterusnya kita perhatikan pula jadual umur bagi anak responden, ramai dari responden (84.6%) mempunyai umur anak di antara 1 - 2 tahun. Peringkat ini merupakan masa yang amat sukar bagi responden kerana anak mereka masih kecil lagi dan memerlukan perhatian yang sepenuhnya. Jika dibandingkan dengan responden yang mempunyai anak-anak yang berumur lebih dewasa iaitu lebih dari 7 tahun, maka anak itu boleh dihantarkan ke sekolah dan pada masa ini anak mereka sudahpun pandai menjaga diri. Terdapat seorang anak responden yang ditemubual yang telah mendapat ijazah dan kini sedang mencari pekerjaan.

Biasanya masa yang diluangkan kepada keluarga adalah lebih dari lapan jam sehari iaitu selepas waktu kerja. Selain dari menghabiskan masa di pejabat masing-masing, waktu lapang

mereka dihabiskan di rumah dengan anak dan keluarga mereka. Ketika anak responden masih lagi kecil, responden tidaklah aktif dalam bidang-bidang lain seperti dalam kelab sosial dan hobi mereka. Golongan yang aktif dalam bidang-bidang lain selalunya mempunyai anak yang lebih dewasa dan mereka rasa mereka mempunyai lebih masa lapang untuk bergiat dalam lapangan lain selain dari pekerjaan dan keluarga mereka.

Antara cita-cita dan harapan responden terhadap anak-anak mereka ialah mereka berharap anak mereka juga akan menjadi golongan profesional. Terdapat juga di mana responden hanya berharap anak mereka menjadi warganegara yang baik dan berfaedah kepada negara dan berdikari. Mereka tidak mempunyai harapan besar untuk anak mereka. Walaubagaimanapun, golongan sebagai ini adalah kecil sahaja bilangannya.

BAB V

PERANAN WANITA

5.1 GABUNGAN PERANAN WANITA DALAM BIDANG PEKERJAAN DAN BIDANG URUSAN RUMAHTANGGA

Semakin ramai wanita yang bekerja pada hari ini bukan sahaja melibatkan diri mereka dalam bidang ekonomi semata-mata tetapi dapat juga mengabungkannya dengan urusan rumahtangga. Kita tidak boleh menafikan bahawa masyarakat masih menganggap seorang isteri yang sempurna ialah seorang yang dapat menunaikan tanggungjawabnya di dalam hal-hal rumahtangga sahaja seperti masak-memasak, mencuci, mengemas rumah, mendidik anak-anak dan melayan suami.

Dari kajian ini, pengkaji dapati bahawa walaupun keadaan telah berubah di mana lebih ramai wanita bekerja di dalam bidang pekerjaan profesional, peranan wanita dalam bidang urusan rumahtangga masih tidak berubah. Di sini, didapati bahawa walaupun kaum wanita keluar bekerja, mereka masih lagi terikat dengan urusan rumahtangga. Dalam kajian ini, 100% dari responden yang sudah berumahtangga terpaksa juga menguruskan hal-hal rumahtangga.

Gabungan pekerjaan dan urusan rumah tangga bagi golongan wanita dalam bidang pekerjaan profesional tidaklah banyak berbeza dari kaum wanita yang sudah berumahtangga dalam bidang pekerjaan yang lain. 80.0%⁵¹ dari responden yang sudah berkahwin telah mempunyai anak. Mereka menghadapi masalah semasa anak mereka masih kecil lagi dan memerlukan penjagaan yang baik. Golongan wanita dalam bidang pekerjaan profesional melihat diri mereka sebagai pekerja seumur hidup atau "life-time workers"⁵² dan soal anak tidak menghindar mereka dari terus bekerja. Semasa mereka bekerja, anak-anak mereka terpaksa ditinggalkan di rumah atau di bawah jagaan orang lain.

JADUAL 21

JAGAAN ANAK SEMASA RESPONDEN BEKERJA

JAGAAN ANAK	BILANGAN RESPONDEN	%
PEMBANTU RUMAH	8	61.5
IBU	-	-
IBU MERTUA	1	7.7
NURSERY/KINDERGARTEN	2	15.4
SAUDARA-MARA	-	-
ANAK JAGA SENDIRI	2	15.4
JUMLAH	13	100.0

-
51. 15 orang responden telah berkahwin di mana 13 orang responden telah beranak (80.0%) dan 2 orang responden belum beranak (20.0%).
 52. Michael P. Fogarty, Rhona, R. Rapoport, Women and Top Jobs: The Next Move, PEP, March 1972. Hal. 5.

Dari Jadual 21, 61.5% dari responden terpaksa bergantung kepada pembantu rumah untuk menjaga anak mereka manakala hanya 7.7% dari mereka bergantung kepada ibu mertua untuk menjaga anak mereka. Di sini, bolehlah kita lihat perubahan di dalam penjagaan anak di mana tanggungjawab bagi menjaga anak-anak dipindahkan kepada orang lain selain dari kaum keluarga sendiri seperti saudara-mara, ibu dan ibu mertua. Terdapat 15.4% dari responden menghantar anak-anak mereka ke rumah penjagaan kanak supaya anak-anak mereka dijaga dan dididik semasa mereka bekerja. Anak-anak responden juga kelihatan lebih berdikari di mana mereka sudahpun pandai menjaga diri sejak umurnya enam tahun.

Responden juga terpaksa membelanjakan wang daripada pendapatan mereka untuk penjagaan anak-anak mereka. Responden-responden tidak merasai perbelanjaan ke atas penjagaan anak-anak mereka sebagai suatu perbelanjaan yang sia-sia sahaja sebab mereka berasa tidak sanggup untuk berhenti kerja semata-mata untuk menjaga anak-anak sahaja. Walaubagaimanapun pada masa anak-anak mereka sakit ataupun ketika anak-anak mereka masih terlalu kecil untuk dijaga oleh orang lain, maka terpaksalah mereka berhenti kerja buat sementara demi untuk menjaga anak-anak mereka. Oleh kerana jawatan mereka adalah jawatan profesional, maka adalah sukar bagi seseorang yang tidak berkelayakan untuk menggantinya untuk sementara waktu.

JADUAL 22

PERBELANJAAN UNTUK JAGAAN ANAK-ANAK

PERBELANJAAN (\$) SEBULAN	BILANGAN RESPONDEN	%
0	3	23.1
BAWAH 100	-	-
100 - 199	5	38.5
200 - 299	1	7.7
300 - 399	2	15.4
400 DAN LEBIH	2	15.4
JUMLAH	13	100.0

Merujuk kepada jadual di atas, didapati 38.5% dari responden hanya membelanjakan sebanyak \$100-\$199 atas jagaan anak untuk sebulan. Jumlah perbelanjaan ini merupakan hanya sebilangan kecil sahaja dari pendapatan suami dan responden. Hanya 15.4% yang sanggup membelanjakan \$400 dan lebih untuk jagaan anak mereka serta menguruskan hal-hal rumah tangga seperti memasak, mengemas rumah dan sebagainya.

Selain dari itu didapati bahawa suami responden juga merupakan suatu sumber tenaga untuk melicinkan hal-hal rumah tangga.

JADUAL 23

KESANGGUPAN SUAMI MEMBUAT KERJA-KERJA
MENGURUS RUMAHTANGGA

JAWAPAN	BILANGAN RESPONDEN	%
YA	11	73.3
TIDAK SANGGUP	4	26.7
JUMLAH	15	100.0

Jadi, suami pada hari ini adalah lebih bersedia untuk menolong isteri dalam membuat kerja-kerja mengurus rumah tangga. Dari jadual di atas, seramai 11 orang suami atau 73.3% sanggup membantu isteri mereka. Di sini, tugas mengurus hal ehwal rumah tangga tidak lagi merupakan semata-mata kerja dari tanggungjawab wanita tetapi gabungan atau kerjasama suami-isteri lah yang boleh menjayakan dan menjamin kebahagian keluarga.

Walaubagaimanapun, kepentingan pekerjaan luar atau peranan wanita dalam bidang pekerjaan tidak boleh dinafikan, lebih-lebih lagi golongan wanita yang pengkaji telah temui dan temubual adalah terdiri dari pekerja-pekerja profesional. Namun begitu, haruslah kita lihat bagaimana wanita dalam bidang pekerjaan profesional menganggap peranan mereka.

JADUAL 24

PEKERJAAN DIANGGAP LEBIH PENTING DARI PERANAN
SEBAGAI SEORANG ISTERI DAN IBU

JAWAPAN	BILANGAN RESPONDEN	%
YA	2	13.3
TIDAK	-	-
KEDUA-DUANYA SAMA PENTING	13	86.7
JUMLAH	15	100.0

Tinjauan dari jadual di atas, boleh dilihat bahawa sebilangan besar dari responden iaitu 86.7% menganggap kedua-dua peranannya dalam bidang pekerjaan dan peranannya sebagai seorang isteri dan ibu adalah sama-sama penting. Dengan itu, penglibatan mereka dalam bidang pekerjaan profesional yang selalunya dianggap penting tidak bermakna pekerjaan mereka itu lebih penting dari peranan mereka sebagai seorang isteri dan ibu.

JADUAL 25

KESANGGUPAN MENINGGALKAN PEKERJAAN JIKA SUAMI
DIKEHENDAKI TUKAR KE TEMPAT LAIN

JAWAPAN	BILANGAN RESPONDEN	%
YA	2	13.3
TIDAK	11	73.4
KURANG PASTI	2	13.3
JUMLAH	15	100.0

Walaupun wanita-wanita dalam bidang pekerjaan profesional ini menganggap kedua-dua peranan mereka di dalam bidang pekerjaan dan urusan rumah tangga, sebilangan besar dari mereka (73.4%) tidak sanggup meninggalkan pekerjaan mereka jika suami mereka dikehendaki tukar ke tempat lain. Nyatalah bahawa bagi golongan wanita ini, mereka lebih mementingkan pekerjaan mereka. Maksud mereka dengan kedua-dua peranan mereka dalam pekerjaan dan dalam urusan rumah tangga adalah penting dan kadang-kadang satu peranan itu adalah lebih penting dari peranan yang kedua dan sebaliknya. Hanya 13.3% sahaja daripada mereka yang betul-betul menganggap bahawa peranannya sebagai seorang ibu dan isteri harus diutamakan. Namun begitu, apabila mereka berpindah ke tempat lain, mereka masih lagi boleh mencari pekerjaan di tempat yang baru. Maka keadaan seperti ini tidak menjaskan peranan mereka dalam bidang pekerjaan.

JADUAL 26

GALAKAN SUAMI DALAM BIDANG PEKERJAAN PROFESIONAL

JAWAPAN	BILANGAN RESPONDEN	%
MENGGALAKKAN	13	86.7
TIDAK MENGGALAKKAN	-	-
TERPULANG KE ATAS KEMAHUAN ISTERI	2	13.3
TIDAK TAHU	-	-
JUMLAH	15	100.0

Dari jadual di atas, didapati 86.7% dari suami responden menggalakkan isteri mereka supaya berkecimpung dalam bidang pekerjaan. Hanya 13.3% dari suami responden tidak menegaskan kepentingan peranan mereka dalam bidang pekerjaan. Suami responden yang sebilangan kecil ini hanya membiarkan isteri mereka bekerja jika mereka ingin bekerja.

Ini jelas bukti bagaimana walaupun mungkin diri dalam pekerjaan profesional mereka dapat juga memperbaikkan peranan mereka dalam bidang pekerjaan dan tidak akan menantangnya. Selain itu dari pertemuan pola kerjaya kaum wanita dan lelaki telah

JADUAL 27

GALAKAN SUAMI DALAM KEGIATAN SOSIAL DI LUAR RUMAH

JAWAPAN	BILANGAN RESPONDEN	%
MENGGALAKKAN	6	40.0
TIDAK MENGGALAKKAN	6	40.0
TERPULANG KE ATAS KEMAHUAN ISTERI	3	20.0
TIDAK TAHU	-	-
JUMLAH	15	100.0

Dari jadual di atas, ditunjukkan bahawa 40.0% daripada suami responden menggalakkan isteri mereka bergiat di dalam bidang sosial. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakannya daripada suami mereka (60.0%) tidak menggalakkan atau membiarkan isteri mereka membuat keputusan sendiri untuk melibatkan dalam kegiatan sosial. Ini mungkin disebabkan oleh faktor anak. Suami responden lebih menitikberatkan tanggungjawab isterinya terhadap anak-anak dan urusan rumahtangga.

Ini jelas bahawa kaum wanita walaupun melibatkan diri dalam pekerjaan profesional mereka dapat juga menggabungkan peranan mereka dalam bidang pekerjaan dan bidang urusan rumahtangga. Salah satu dari perbezaan pola kerjaya kaum wanita dan lelaki telah

menarik perhatian pengkaji di mana di dalam laporan PEP (Political Economic Planning, Britain) ialah

"... women are more likely than men to keep a balance between different aims; to insist on doing a worthwhile job well, but to refuse to let their job commitments take automatic priority over commitments in other directions, especially to their families."⁵³

5.2 FAKTOR YANG MENDORONG PENGLIBATAN WANITA DALAM PEKERJAAN PROFESIONAL

Dari kajian yang dilakukan ke atas 30 orang responden, 50.0% dari mereka merupakan golongan yang sudah berumahtangga dan 50.0% pula mewakili golongan wanita yang belum berumahtangga. Di sini pengkaji cuba meneliti beberapa faktor yang mendorong kaum wanita ke arah penglibatan pekerjaan profesional walaupun mereka sudah berumahtangga.

Faktor pelajaran juga merupakan faktor yang terpenting di antara yang mendorong kaum wanita ini bergiat dalam pekerjaan profesional. Ini adalah kerana pekerjaan profesional memerlukan kelulusan pelajaran tinggi dan kemahiran yang hanya khas untuk sesuatu bidang itu sahaja. Dengan cara demikian, selepas bertahun-

53. Michael P. Fogarty, Rhona & R. Rapoport, Women and Top Jobs: The Next Move, Britain, March 1972. Hal. 10.

tahun bertungkus-lumus di dalam bidang pelajaran, 100% daripada responden rasa mereka secara automatiknya akan bekerja selepas tamatnya pengajian mereka di dalam bidang yang mereka telah khusus. Terdapat responden yang berpendapat bahawa kalau ibubapa mereka telah membelanjakan sejumlah wang yang agak banyak untuk memberikan pelajaran yang sempurna kepada anak-anak mereka, maka sudah tentu harapan orang tua mereka dan harapan diri mereka ialah untuk mencari pekerjaan selepas tamat pengajian. Ada juga responden yang berpendapat bahawa jika seseorang itu mempunyai pelajaran yang begitu tinggi tetapi tidak mahu bekerja adalah amat merugikan. Jadi, jelas dari kajian ini bahawa faktor pelajaran adalah penting bagi mendorong seseorang itu untuk bekerja di samping faktor-faktor lain.

JADUAL 28

SEBAB BEKERJA: PELAJARAN

JAWAPAN	BILANGAN RESPONDEN	%
SETUJU	30	100.0
TIDAK SETUJU	-	-
JUMLAH	30	100.0

JADUAL 29

SEBAB BEKERJA: INGIN MELUASKAN PENGETAHUAN ATAU MENDAPATKAN PENGALAMAN

JAWAPAN	BILANGAN RESPONDEN	%
SETUJU	27	90.0
TIDAK SETUJU	3	10.0
JUMLAH	30	100.0

Selain dari faktor pelajaran, 90.0% dari responden setuju bahawa salah satu dari faktor yang mendorong mereka bekerja ialah ingin meluaskan pengetahuan ataupun mendapatkan pengalaman. Mereka berpendapat bahawa apabila mereka bekerja, mereka dapat meluaskan pengetahuan dari segi praktiknya. Dari segi pengalaman, mereka dapat menikmati pengalaman bekerja yang agak berbeza dari duduk di rumah sahaja. Apabila mereka bekerja, mereka berasa pekerjaan mereka boleh memuaskan diri mereka serta mencari identiti dan mengembangkan saksiah mereka.

JADUAL 30

SEBAB BEKERJA: FAKTOR EKONOMI

JAWAPAN	BILANGAN RESPONDEN	%
SETUJU	22	73.3
TIDAK SETUJU	8	26.7
JUMLAH	30	100.0

Di samping itu, faktor ekonomi juga telah menggalakkan wanita untuk bekerja. Walaupun kedudukan ekonomi kaum wanita ini adalah agak stabil, mereka dapat membantu menambahkan lagi pendapatan keluarga. Dengan bekerja, mereka dapat membantu meninggikan lagi taraf hidup keluarganya. Bagi kaum wanita yang belum berumahtangga (50.0%) sedikit sebanyak pendapatan dari pekerjaan mereka dapat disumbangkan kepada orang tua mereka. Oleh itu sumbangan begini

dapat meringankan beban orang tua mereka. Apabila kaum wanita ini bekerja, mereka boleh membeli barang-barang mewah seperti barang kemas, alat solek, baju yang mahal dan sebagainya. Seperti yang kita ketahui, taraf hidup di bandaraya Kuala Lumpur adalah tinggi. Walaupun gaji suaminya (bagi mereka yang telah berumahtangga) adalah lumayan, kadang-kala mereka tidak mampu membeli barang-barang mewah untuk isteri mereka. Sudah tentu mereka tidak berpeluang untuk memiliki barang-barang yang menjadi idaman bagi setiap wanita pada zaman ini, terutamanya bagi mereka yang tinggal di Kuala Lumpur.

Walaubagaimanapun dari hasil kajian ini, tiada wanita yang bekerja dalam bidang pekerjaan profesional ini bekerja kerana terdesak atau kerana kemiskinan. Responden-responden rasa mereka perlu menerima pendapatan hasil dari pekerjaan mereka di samping menerima pendapatan yang diberi oleh suami mereka (bagi mereka yang telah berumahtangga).

Dari sudut faktor ekonomi, terdapat pula faktor untuk berdikari ("financially independent"). Para responden bersetuju bahawa sikap ingin berdikari harus dijadikan sikap yang perlu diamalkan. Ini adalah kerana sekiranya sesuatu kejadian yang mungkin terjadi pada dirinya ataupun suaminya, maka faktor kestabilan ekonomi boleh merupakan suatu bentuk jaminan hidup di hari depan.

Selain dari itu, mereka juga merasa amat "terkongkong" sekiranya mereka berada di rumah sahaja dan terlalu bergantung kepada pendapatan suami bagi mereka yang telah berumahtangga. Bagi mereka yang belum berumahtangga mereka rasai bahawa mereka tidak boleh lagi bergantung kepada ibubapa mereka untuk mendapatkan sumber kewangan. Oleh yang demikian, dengan adanya pelajaran yang agak tinggi tidak sukar bagi mereka menjawat jawatan yang bersetujuan dengan kelayakan mereka. Oleh itu adalah lebih baik jika mereka terus melibatkan diri dalam bidang pekerjaan profesional itu.

JADUAL 31

SEBAB BEKERJA: MINAT & MENGISI MASA LAPANG

JAWAPAN	BILANGAN RESPONDEN	%
SETUJU	27	90.0
TIDAK SETUJU	3	30.0
JUMLAH	30	100.0

Faktor lain yang mendorong kaum wanita untuk menuburkan diri dalam bidang pekerjaan profesional ialah minat dan untuk mengisi masa lapang. Ini disebabkan rasa bosan sekiranya mereka hanya duduk di rumah menguruskan hal-hal rumahtangga. Apabila mereka keluar bekerja, mereka boleh bertemu dengan orang ramai. Bagi golongan wanita yang belum berkahwin mereka rasa faktor minat merupakan faktor dorongan yang utama untuk mereka mencari pekerjaan.

Dorongan minat untuk bekerja telah sedia disemai sejak di bangku sekolah lagi.

Pada keseluruhannya, faktor-faktor utama yang mendorong penglibatan wanita dalam pekerjaan profesional adalah seperti pelajaran, ekonomi, ingin meluaskan pengetahuan dan mendapatkan pengalaman, minat dan mengisi masa lapang. Pada dasarnya, kaum wanita ini bukan bekerja untuk satu motif sahaja tetapi satu kombinasi berbagai-bagai motif di mana setiap satu motif itu adalah berbeza bagi tiap-tiap individu.

Demikianlah faktor-faktor yang mendorong kaum wanita melibatkan diri dalam pekerjaan profesional.

BAB VI

SIKAP WANITA TERHADAP PEKERJAAN

Dalam mengkaji sikap wanita di dalam bidang pekerjaan profesional terhadap pekerjaan, pengkaji ingin mengetahui apakah nilai-nilai dan pandangan-pandangan tertentu yang dipegang oleh mereka. Dalam konteks kajian ini, pengkaji juga ingin melihat sejauhmana wanita-wanita yang ditemubual mempunyai sikap berpuas hati atau sebaliknya terhadap kedudukan mereka serta masalah-masalah yang dihadapi.

6.1 SIKAP DAN PANDANGAN TERHADAP PEKERJAAN

JADUAL 32

TEMPUH MASA UNTUK BEKERJA

TEMPUH MASA BEKERJA	BILANGAN RESPONDEN	%
HINGGA BERSARA	23	76.7
SEMENTARA	5	16.6
TIDAK TAHU	2	6.7
JUMLAH	30	100.0

Dari jadual di atas, sebilangan besar (76.7%) dari wanita yang terlibat dalam pekerjaan profesional melihat diri mereka sebagai pekerja hingga bersara. Hanya sebilangan kecil dari mereka (16.6%) yang menganggap pekerjaan mereka sebagai sementara. Namun begitu, ini tidak bererti mereka akan berhenti kerja selepas mereka beranak dan terus menjaga anak di rumah serta menguruskan hal-hal rumahtangga. Mengikut seorang responden jika ia tidak dapat seorang pembantu rumah, mungkin ia akan berhenti kerja untuk sementara bagi menjaga anak sehingga anaknya agak besar dan pandai menjaga diri. Cuma 6.7% daripada responden-responden yang memberi jawapan tidak tahu. Golongan ini berpendapat demikian kerana soal untuk berhenti kerja belum difikirkan lagi dan mereka ini belum lagi terikat dalam soal-soal berhubung dengan suami atau rumahtangga.

Selain dari itu, golongan profesional ini adalah amat penting kerana mereka melibatkan diri dalam jawatan-jawatan tinggi dalam bidang-bidang yang tertentu. Oleh kerana perkhidmatan mereka amat diperlukan, mereka rasa mereka harus berkhidmat untuk negara, misalnya seorang doktor wanita. Sebagaimana kita ketahui bilangan doktor di negara kita masih berkurangan, maka adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk terus bekerja demi untuk kepentingan orang ramai.

JADUAL 33

PEKERJAAN YANG DICITA-CITAKAN ADALAH SEPERTI
PEKERJAAN SEKARANG

JAWAPAN	BILANGAN RESPONDEN	%
YA	10	33.3
TIDAK	18	60.0
LEBIH KURANG SAMA	2	6.7
JUMLAH	30	100.0

Dengan merujuk kepada jadual di atas, kelihatan bahawa sebilangan besar responden (60.0%) mempunyai pekerjaan yang tidak merupakan pekerjaan yang mereka cita-citakan sejak kecil-kecil lagi. Hanya 33.3% dari responden memegang pekerjaan seperti yang mereka cita-citakan, manakala sebilangan kecil (6.7%) yang mempunyai pekerjaan yang lebih kurang sama dengan apa yang mereka cita-citakan. Dari hakikat itu pula, menunjukkan bahawa kebanyakan wanita dalam pekerjaan profesional tidak mencapai cita-cita yang mereka ada pada masa kecil tetapi mereka berjaya mengalih ke lain bidang profesional. Terdapat seorang responden yang ingin menjadi seorang doktor sejak kecil-kecil tetapi kini menjadi seorang akauntan. Didapati 83.3% dari responden yang tidak mencapai cita-cita mereka tetapi mengalih ke bidang/pekerjaan profesional, ingin menjadi seorang doktor. Jadi /lain boleh dikatakan pada masa kecil, pekerjaan sebagai seorang doktor dianggap mempunyai status yang tertinggi pada pandangan mata

responden-responden. Walaubagaimanapun mereka kesemuanya kini telah berjaya memegang pekerjaan profesional tidak kira samada pekerjaan itu merupakan cita-cita mereka semasa kecil atau tidak.

JADUAL 34

KEPUASAN RESPONDEN TERHADAP PEKERJAAN

KEADAAN SIKAP	BILANGAN RESPONDEN	%
MEMUASKAN	26	86.7
SEDERHANA	3	10.0
TIDAK MEMUASKAN	-	-
TIDAK TAHU	1	3.3
JUMLAH	30	100.0

Dari jadual di atas, didapati bahawa sejumlah besar dari responden (86.7%) mendapati pekerjaan mereka memuaskan. Hanya 10.0% responden yang menganggap pekerjaan mereka sebagai sederhana sementara 3.3% dari responden yang tidak mengetahui bagaimana mereka memberi darjah kepuasannya terhadap pekerjaan. Ini disebabkan oleh mereka baru bekerja.

Jadi boleh dikatakan golongan wanita dalam pekerjaan profesional adalah berpuas hati dengan jawatan mereka sekarang. Antara alasan-alasan yang mereka berikan tentang mengapa mereka berpuas hati dengan pekerjaan mereka ialah pekerjaan mereka telah

memberikan cabaran dalam hidup mereka. Mereka diberi peluang untuk menjawat jawatan yang dulunya hanya terhad kepada kaum lelaki. Walaupun mereka terpaksa mengalami tekanan dari pekerjaan, mereka merasa puas hati kerana mereka dihormati oleh kaum lelaki yang kadang-kalanya terkagum akan kebolehan mereka.

Pekerjaan mereka juga memberi mereka peluang yang luas dari segi "exposure" di mana mereka didedahkan kepada dunia pekerjaan. Mereka mendapati bahawa setiap hari mereka bekerja mereka mengalami proses pembelajaran. Ini memberi mereka peluang untuk menikmati pengalaman bekerja. Mereka dapati jika mereka tinggal di rumah sehari-harian, mereka akan merasa bosan.

Selain dari itu, jawatan profesional seperti pensyarah membolehkan mereka melanjutkan pelajaran mereka seperti ke peringkat ijazah kedoktoran. Masa bekerja juga tidak begitu ketat membolehkan mereka belajar ke peringkat yang lebih tinggi.

Alasan yang lain mengapa mereka rasa puas hati dengan pekerjaan mereka ialah mereka telah dilatih dalam bidang profesional dan adalah sesuai dengan kehendak dan kegemaran mereka. Mereka merasai puas hati kerana pekerjaan mereka telah dapat memenuhi jangkaan mereka.

Selain dari itu, alasan yang selanjutnya diberikan ialah pekerjaan mereka memberi mereka suatu kedudukan yang tinggi di kalangan orang ramai. Gaji juga memuaskan. Di samping itu, mereka

menikmati faedah-faedah sampingan ("fringe benefits") seperti pinjaman untuk membeli rumah, kereta dan lain-lain.

Berlandaskan kepada alasan-alasan yang telah diberikan oleh responden terhadap pekerjaan mereka sekarang, jelas menunjukkan sikap kebanyakan responden adalah berpuas hati. Keadaan ini menyebabkan minat mereka untuk bekerja masih lagi menebal pada diri mereka.

6.2 MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI

Untuk melihat masalah-masalah yang dihadapi dan sejauhmanakah kaum wanita dalam pekerjaan profesional menghadapi masalah tersebut, pengkaji akan menumpukan kajian masalah yang mereka hadapi dari kaum lelaki, dan perasaan mereka terhadap beberapa isue-isue penting.

JADUAL 35

MASALAH DARI PEKERJA-PEKERJA BAWAHAN

JAWAPAN	BILANGAN RESPONDEN	%
YA	10	33.3
TIDAK	20	66.7
JUMLAH	30	100.0

Merujuk kepada Jadual 35, didapati bahawa 66.7% dari responden tidak menghadapi masalah dari pekerja-pekerja bawahan terutama sekali dari kaum lelaki. Mereka mendapati mereka dihormati oleh pekerja-pekerja bawahan baik lelaki atau wanita menganggapnya sebagai seorang yang berkebolehan dan tidak melihatnya sebagai seorang wanita dengan sifat kewanitaannya yang lemah lembut. Didapati golongan ini kebanyakannya terdiri dari pekerja-pekerja dalam sektor kerajaan di mana soal diskriminasi tidak begitu jelas sekali.

Di antara mereka (33.3%) yang menghadapi masalah dari pekerja-pekerja bawahan terutamanya dari kaum lelaki, mereka memberi beberapa alasan.

JADUAL 36

ALASAN-ALASAN YANG DIBERIKAN UNTUK MASALAH
YANG MEREKA HADAPI DARI PEKERJA-PEKERJA
BAWAHAN TERUTAMA SEKALI DARI KAUM LELAKI

ALASAN-ALASAN	BILANGAN RESPONDEN	%
ENGGAN MEMATUHI ARAHAN DARI KAUM WANITA	2	20.0
MEREKA MERASA MEREKA TIDAK HARUS DIBERI ARAHAN OLEH SEORANG WANITA	1	10.0
MENGANGGAP WANITA SEBAGAI TIDAK BEGITU SERIUS KERANA SIFAT LEMAH-LEMBUT WANITA	4	40.0
TIDAK SANGKA SEORANG WANITA BOLEH MEMEGANG JAWATAN TINGGI	3	30.0
JUMLAH	10	100.0

Dari Jadual 36, didapati bahawa 40.0% dari mereka merasa bahawa pekerja-pekerja bawahan terutamanya kaum lelaki masih menganggap wanita sebagai tidak begitu serius kerana sifat lemah-lembut wanita. Oleh kerana itu, jika mereka tidak menjalankan arahan responden, maka mereka rasa responden tidak akan membuat sebarang tindakan ke atas mereka.

Tiga orang responden (30.0%) telah berpendapat bahawa kaum lelaki bawahan ("male subordinates") masih tidak sangka seorang wanita boleh memegang jawatan yang tinggi. Mereka tidak biasa dengan seorang ketua yang merupakan seorang wanita. Ini menjadi masalah apabila mereka enggan mematuhi arahan atau tidak menganggap responden sebagai "ketua" mereka.

Alasan-alasan yang lain ialah sebilangan kecil responden merasai pekerja-pekerja bawahan lelaki enggan mematuhi arahan dari kaum wanita dan mereka merasa mereka tidak harus diberi arahan oleh seorang wanita.

Pernah dikatakan bahawa apa sahaja yang dilakukan oleh seorang wanita, maka wanita itu melakukannya dua kali lebih baik dari seorang lelaki untuk difikirkan sebagai setengah kali baiknya dibandingkan dengan seorang lelaki. Kata-kata ini boleh didapati dalam tulisan Charlotte Whitton yang mengatakan,

"Whatever women do they must do twice as well as men to be thought half as good. Luckily, this is not difficult."⁵⁴

JADUAL 37

PEKERJA WANITA DIPERLUKAN BEKERJA LEBIH KUAT
DARI SEORANG LELAKI JIKA DIBERIKAN KERJA YANG SAMA

JAWAPAN	BILANGAN RESPONDEN	%
YA	12	40.0
TIDAK	18	60.0
JUMLAH	30	100.0

Dari jadual di atas, masih ada kebenaran dalam kenyataan Charlotte Whitton di mana masih terdapat sebilangan responden (40.0%) yang merasai diri mereka harus bekerja lebih kuat dari seorang lelaki jika diberikan kerja yang sama. Mengikut seorang responden, pekerja-pekerja ~~sejawatannya~~ tidak payah bekerja begitu kuat kerana sudah menjadi anggapan orang ramai bahawa kaum lelaki lebih cekap. Dengan itu kaum wanita terpaksa bekerja kuat untuk membuktikan kepada kaum lelaki bahawa kaum wanita juga berkebolehan ataupun lebih berkebolehan jika dibandingkan dengan kaum lelaki.

Mengikut lapuran oleh Professor Gary Cooper dan Dr. Marilyn Davidson dari Universiti Manchester, London, mereka mendapati kaum

54. New Straits Times, 12hb Oktober, 1983. Hal.8.

wanita adalah pengurus yang lebih baik dari pengurus lelaki.

"Women make better managers than men, despite being under more pressure..."

The report says women managers are under heavier stress from home and work than their male counterparts and suffer 'prejudice and discrimination', but it maintains they cope better than men.

Organisations which refuse to break their male-dominated hierarchy are 'missing out on good management materials'." 55

Jelaslah bahawa kaum wanita boleh menjadi seorang pekerja yang lebih cekap dibandingkan dengan seorang pekerja lelaki walaupun mereka menghadapi masalah prejedis ("prejudice") dan diskriminasi.

JADUAL 38

RESPONDEN MENGHADAPI MASALAH DARI PEKERJA-PEKERJA SEJAWATAN TERUTAMA SEKALI DARI KAUM LELAKI

JAWAPAN	BILANGAN RESPONDEN	%
YA	10	33.3
TIDAK	20	66.7
JUMLAH	30	100.0

Dari jadual di atas, didapati bahawa 66.7% dari responden tidak menghadapi masalah dari pekerja-pekerja sejawatan terutama

55. New Straits Times, 5hb Julai, 1983. Hal. 13.

sekali dari kaum lelaki. Dalam bidang profesional seperti undang-undang, perubatan, kejuruteraan dan lain-lain, kaum wanita selalunya dihormati oleh pekerja-pekerja sejawatan. Jadi mereka tidak menghadapi banyak masalah.

Hanya sebilangan kecil (33.3%) yang menghadapi masalah dari pekerja-pekerja sejawatan terutama kaum lelaki. Salah seorang responden yang menghadapi masalah ini mengatakan bahawa ia telah berasa tersinggung apabila kaum lelaki sejawatan dengannya merendahkan kebolehannya.

JADUAL 39

RESPONDEN MERASA DIRI LEBIH CEPAT DINAIKKAN PANGKAT
JIKA RESPONDEN ADALAH SEORANG LELAKI

JAWAPAN	BILANGAN RESPONDEN	%
YA	8	26.7
TIDAK	20	66.7
TIDAK TAHU	2	6.6
JUMLAH	30	100.0

Merujuk kepada jadual di atas, 66.7% dari responden tidak merasa diri lebih cepat dinaikkan pangkat jika responden adalah seorang lelaki. Hanya sebilangan kecil (26.7%) yang merasai diri mereka tidak dinaikkan pangkat kerana faktor jantina. Walaubagai-

manapun kehanyakan responden rasa bahawa soal naik pangkat adalah soal kebolehan seseorang itu tidak kira samada ia wanita atau lelaki.

JADUAL 40

RESPONDEN MERASAI PUAS HATI DENGAN GAJI

JAWAPAN	BILANGAN RESPONDEN	%
YA	16	53.3
TIDAK	14	46.7
JUMLAH	30	100.0

Dari Jadual 40 didapati bahawa 53.3% dari responden merasai puas hati dengan gaji dan merasai gaji mereka adalah setaraf dengan kelayakan mereka. Didapati bahawa 46.7% dari responden merasai gaji yang diterimanya tidaklah setaraf dengan kelayakan mereka. Seorang responden mengatakan kenaikan gaji sebanyak \$60 setahun dalam sektor kerajaan adalah amat sedikit dan tidak mencukupi jika dibandingkan dengan sektor swasta.

JADUAL 41

RESPONDEN MERASAI MAJORITI PEKERJA-PEKERJA WANITA ADALAH
LEBIH EMOSIONAL DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN DI PEJABAT

JAWAPAN	BILANGAN RESPONDEN	%
YA	11	36.7
TIDAK	19	63.3
JUMLAH	30	100.0

Merujuk kepada Jadual 41, 63.3% dari responden tidak merasai majoriti pekerja-pekerja wanita adalah lebih emosional dalam membuat keputusan di pejabat. Golongan ini merasai dalam membuat keputusan, kaum wanita tidak bergantung kepada perasaan mereka. Mungkin kaum wanita adalah lebih sensitif dan boleh menjangka apa yang boleh berlaku, mengikut salah seorang responden. Pada peringkat eksekutif, wanita adalah lebih matang dan keputusan tidak lagi berdasarkan kepada emosi.

Namun begitu, terdapat 36.7% dari responden yang merasai majoriti pekerja-pekerja wanita adalah lebih emosional dalam membuat keputusan.

Berpandukan kepada masalah-masalah yang dihadapi serta pandangan responden terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum wanita, pengkaji dapati bahawa sebilangan kecil yang masih

terkongkong oleh adat dan tradisi yang merasai diri mereka terperangkap dalam dunia lelaki. Keadaan ini menunjukkan kaum wanita dalam pekerjaan profesional adalah pekerja-pekerja yang setanding dengan kaum lelaki. Semakin ramai daripada mereka telah menganggap diri mereka sebagai pekerja-pekerja profesional dan bukan semata-mata pekerja-pekerja wanita yang ditekan oleh kaum lelaki.

Banyak hal yang dilakukan wanita-wanita profesional ini. Baru-baru ini terdapat wacana mengenai aktiviti-aktiviti baru bagi kaum wanita di Malaysia yang disebut "Kewajipan Wanita". Dalam bidang lain seperti pertanian, perikanan dan perindustrian, kaum wanita ini telah menyertai dan membantu kaum bina sejak dia berikti diajarkan, tetapi kini pengaruhnya terhadap masyarakat dan negara. Sesuai itu, dalam bidang ini penulis ingin membentuk konselor profesional wanita-wanita yang dibentuk oleh organisasi yang berdaftar. Selain itu, tertakat pula kaum wanita ini dapat dilibatkan dengan keseksamaan kaum wanita dalam pekerjaan profesional.

Konsep pada awalnya berdasarkan wacana di atas, kaum wanita telah dibentukkan sebagai pekerjaan profesional di mana dilanjutkan bahagian tertanya tentang keadaan kaum wanita yang berada di atas bidang pertanian, perikanan, perindustrian dan perkebunan. Dalam bidang kejuruteraan, tertanya bilangan kaum wanita yang mendapat kelebihan, bagaimana dia dalam bidang-bidang perkebunan, perikanan, "universiti", tertanya bilangan kaum wanita yang berilah bebas, perolehan, perolehan dalam bilangan kaum wanita dalam pekerjaan

BAB VII

KESIMPULAN

Dalam pembangunan negara kaum wanita memainkan peranan yang penting. Peranan kaum wanita dalam pekerjaan profesional sememangnya tidak boleh diketepikan walaupun bilangan mereka tidak ramai. Mereka ini merupakan segolongan minoriti dalam tenaga buruh negara jika dibandingkan dengan penyertaan kaum wanita di bidang-bidang lain seperti pertanian, perusahaan dan perkhidmatan. Jadi kaum wanita kini telah menyedari akan tanggungjawab mereka bukan sekadar di ceruk dapur sahaja, tetapi meliputi tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara. Dengan itu, dalam bab akhir ini pengkaji ingin membuat kesimpulan sejauhmanakah saranan-saranan yang dibuat oleh sarjana-sarjana yang terdapat dalam Bab II terhadap peranan wanita itu dapat diapplikasikan dengan konteks kaum wanita dalam pekerjaan profesional.

Walaupun pada umumnya terdapat perubahan sikap di mana kaum wanita telah dibenarkan memegang pekerjaan profesional di mana didapati bahawa terdapat kecenderungan kaum wanita yang tertumpu kepada bidang undang-undang, pergigian, pensyarah dan pentadbiran. Dalam bidang kejuruteraan, terdapat bilangan kaum wanita yang amat kecil sekali, begitu juga di dalam bidang-bidang perubatan, perakaunan, "architecture", terdapat bilangan kaum wanita yang kecil. Namun begitu, pertambahan dalam bilangan kaum wanita dalam pekerjaan

profesional adalah disebabkan oleh peluang-peluang pekerjaan tinggi yang terbuka kepada mereka serta taraf pencapaian tinggi yang mereka memperolehi dalam bidang pelajaran profesional itu. Pada masa dahulu, pekerjaan profesional hanya dipegang oleh kaum lelaki tetapi kini kaum wanita diberi peluang memegang pekerjaan profesional jika mereka boleh menunjukkan kebolehannya. Walaubagaimanapun kaum wanita yang berjaya menjadi golongan profesional adalah masih kecil bilangannya. Jadi, keadaan ini boleh menunjuk bahawa saranan golongan "environmentalist" boleh diapplikasikan kepada kaum wanita yang memegang pekerjaan profesional. Golongan "environmentalist" berpendapat bahawa bukanlah faktor biologi yang menentukan peranan wanita dan lelaki tetapi keadaan sosial yang menjadi faktor penentu yang lebih penting. Tugas-tugas lelaki boleh dipegang oleh kaum wanita jika ia berkebolehan.

Pada umumnya telah berlaku perubahan sikap di mana kaum wanita telah dibenarkan memegang pekerjaan profesional tetapi perubahan ini tidak pula mengakibatkan berlakunya satu perubahan lain yang dapat mengurangkan tanggungjawab kaum wanita terhadap rumahtangga. Berdasarkan kajian yang dijalankan ke atas 30 orang responden, didapati di samping pekerjaan mereka di luar rumah atau "public job", mereka juga masih perlu menumpukan perhatian dalam menjalankan tanggungjawab ke atas keluarga dan rumahtangga. Jadi dapat dikatakan bahawa kaum wanita golongan profesional ini mempunyai sikap bahawa dalam bidang "private job" dan "public job"

itu adalah sama dipentingkan demi kesejahteraan keluarga. Ini jelas menunjukkan bahawa saranan-saranan yang dibuat oleh beberapa orang sarjana seperti Darling, Iglehart dan lain-lain tidak lagi bersesuaian dengan wanita di masa kini. Ini adalah kerana mereka telah membuat saranan-saranan bahawa peranan dan tanggungjawab seseorang wanita itu hanya terhad kepada urusan-urusan di dalam rumahtangga sahaja. Keadaan perubahan peranan wanita menunjukkan kes penghidupan terutamanya di bandaraya Kuala Lumpur yang amat berbeza dengan zaman dahulu.

Walaubagaimanapun, golongan wanita ini masih terikat dengan urusan rumahtangga walaupun mereka merupakan pekerja profesional. Boleh dikatakan di sini bahawa saranan golongan "biologist" yang berpendapat bahawa faktor biologilah yang menentukan perbezaan peranan di antara lelaki dan wanita boleh diapplikasikan. Pekerja profesional yang terdiri dari kaum wanita dibezaikan dari pekerja profesional kaum lelaki. Ini adalah semata-mata faktor biologinya. Oleh kerana perbezaan biologi, kaum wanita yang telah melahirkan anak sudah dijadikan anggapan bahawa mereka lah yang patut menjaga anak dan bukannya suami mereka yang patut menjaga anak. Namun begitu, terdapat juga suami yang sanggup menolong isteri mereka menguruskan hal rumahtangga tetapi mereka masih anggap tugas-tugas sedemikian adalah tugas isteri mereka. Mereka hanya sanggup menolong isteri dalam urusan rumahtangga jika diperlukan sahaja.

Walaupun pengkaji dapati bahawa kaum wanita yang dikaji merasai tanggungjawab mereka terhadap pekerjaan itu besar ertinya, ini tidaklah bermakna bahawa mereka akan mengurangkan ataupun mengabaikan pula peranan mereka di dalam urusan rumahtangga. Ini bererti bahawa walaubagaimana tinggi jawatan yang dipegang dan bagaimana berjayanya mereka dalam pekerjaan mereka, namun peranan mereka sebagai seorang suri rumah dan ibu kepada anak-anak tetap menjadi tanggungjawab yang seharusnya tidak diabaikan.

Didapati bahawa penglibatan wanita dalam pekerjaan profesional telah banyak menjaskan masa responden khususnya dalam mendidik dan mensosialisasikan anak-anak mereka. Sepertimana yang kita ketahui anak-anak memerlukan masa yang panjang untuk berdamping dengan ibu-ibu mereka kerana ibu adalah orang yang paling hampir untuk mengadu dan menyelesaikan masalah mereka. Jika dibandingkan dengan seorang bapa, ibu lebih memainkan peranan dalam pembentukan peribadi seseorang anak. Jadi ini merupakan suatu masalah yang dianggap rumit akibat penglibatan responden-responden dalam bidang pekerjaan. Namun begitu, responden-responden masih menganggap penglibatan dalam pekerjaan sebagai "permanent". Sebilangan besar mereka mengatakan bahawa mereka akan terus bekerja sehingga bersara. Jadi di sini, masalah urusan rumahtangga khususnya jagaan anak dapat sedikit sebanyak diatasi oleh responden-responden dengan beberapa cara.

Dengan berdasarkan kajian yang telah dijalankan, didapati sebilangan besar responden (73.3%) mempunyai dua orang anak atau kurang. Hanya 26.7% dari responden yang mempunyai tiga orang anak. Tidak seorang dari mereka mempunyai lebih dari tiga orang anak. Jadi terdapat kecenderungan untuk memiliki saiz famili yang kecil supaya mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka terhadap rumah tangga dengan lebih sempurna. Walaubagaimanapun, ini tidak boleh dijadikan kenyataan kerana terdapat setengah dari responden-responden yang belum berumah tangga. Jadi, salah satu penyelesaian bagi wanita yang terikat dengan "public job" supaya dapat menguruskan "private job" dengan sempurna ialah pemilihan saiz famili yang lebih kecil.

Walaubagaimanapun, pemilihan saiz famili yang kecil itu tidak dapat menyelesaikan masalah wanita yang bekerja khususnya dalam soal penjagaan anak-anak ketika mereka menguruskan "public job" mereka. Jadi bagi mereka masalah penjagaan anak-anak semasa mereka tiada di rumah boleh diatasi dengan jagaan orang-orang lain seperti pembantu rumah, menghantar anak-anak ke "nursery" atau taman kanak-kanak ataupun ibu mertua yang menolong menjaga cucu-cicit mereka. Oleh yang demikian, tidak menjadi masalah bagi responden-responden yang dikaji untuk meneruskan penglibatan mereka di dalam "public job". Justeru itulah ramai responden-responden menganggap kedua-dua peranan mereka sebagai ibu dan pekerja profesional adalah penting. Dengan itu, didapati walaupun responden-responden mempunyai masa yang terhad kerana penglibatan mereka dalam "public job" serta kegiatan-kegiatan

sosial, namun mereka tidak pernah mengabaikan peranan mereka sebagai seorang suri rumah. Ini bererti walaupun mereka terikat dengan tugas-tugas mereka, mereka tidak terlepas dari tanggungjawab ke atas keluarga dan rumahtangga.

Sebagai kesimpulan, responden-responden yang dikaji telah menunjukkan bahawa mereka mempunyai sikap yang memandang penting terhadap kedua-dua "public job" dan "private job". Responden telah merasakan penglibatan mereka dalam "public job" tidak akan menggugat "private job" mereka. Boleh dikatakan bahawa gabungan pekerjaan dan urusan rumahtangga pada hari ini sudahpun dianggap semakin biasa kerana semakin ramai kaum wanita yang melibatkan dalam pekerjaan profesional khususnya telah menganggap diri mereka sebagai "life-time workers". Jadi jika kaum lelaki digalakkan supaya mengkongsi tanggungjawab dalam urusan rumahtangga, ini sedikit sebanyak dapat melepaskan kaum wanita dari tanggungjawab yang tradisional itu, supaya kaum wanita boleh bersama-sama berganding bahu dengan kaum lelaki dalam memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara.

BIBLIOGRAFI

BUKU-BUKU RUJUKAN:

1. Banton, Michael; Roles: An Introduction to the Study of Social Relations, Tavistock Publications, London, 1965.
2. Becker, Howard S.; Sociological Work, Penguin Press, Great Britain, 1971.
3. Borne and Henri; A Philosophy of Work, Trans. F. Jackson, London, 1938.
4. Cogan, Morris L.; Toward a Definition of Profession, Harvard Educational Review XXIII, 1953.
5. Darling, Martha; The Role of Women in the Economy, Organisation for Economic Co-operation and Development, Paris, 1975.
6. Davies, Ross; Women and Work, Hutchinson & Co. Ltd., 1975.
7. Elliot, Phillip; The Sociology of the Professions, The Macmillan Press, Ltd., Great Britain, 1972.
8. Ferstinger, Katz, L. A.; Research Methods in Social Relations, New York, 1959.
9. Fogarty, Michael P., Rhona, R. Rapoport; Women and Top Jobs: The Next Move, PEP, March 1972.
10. Fransella and Frost; Woman: On Being Woman, Tavistock Publications, London 1977.
11. Friedl, Ernestine; Women and Men, An Anthropological View, Holt, Rinehart and Winston, New York, 1975.
12. Gross, Edward; Work and Society, New York, P.Y. Crowell, 1958.
13. Iglehart, Alfreda; Married Women and Work, Lexington Books, D.C. Heath and Co. Lexington, Massachusetts, Toronto, 1976.
14. Lemon, Nigel; Attitude and their Measurement, John Wiley & Sons, Inc. 1973.

15. Oskamp, Stuart; Attitudes and Opinions, Prentice Hall, 1977.
16. Prandy, Kenneth; Professional Employees: A Study of Scientists & Engineers, Faber & Faber, Ltd., London, Britain, 1965.
17. Sellitz, Claire; Research Methods in the Behavioural Sciences, Holt, Rinehart and Winston, 1959.
18. Schneider, David J.; Social Psychology, Addison-Wesley Publishing Company, Inc., 1976.
19. Sills, David L.; International Encyclopedia of the Social Sciences, The Macmillan Company & The Free Press, New York.
20. Triandis, Harry C.; Attitudes and Attitude Change, John Wiley and Sons, Inc., 1971.
21. Winch, Robert; Selected Studies in Marriage & the Family, Ed. New York, Holt, Rinehart & Winston, 1962.

LAIN-LAIN RUJUKAN:

1. Akhbar The New Straits Times.
2. Banci Pertubuhan-Pertubuhan Profesyenal dan Yayasan, Sektor Swasta, Semenanjung Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, Mei 1982.
3. Datin Dr. Nor Laily Aziz, Kertaskerja Seminar Wanita dan Pertubuhan Wanita Sukarela Anjuran LPKN, Kuala Lumpur, 1979.
4. Khatijah binti Haji Muhammad, Wanita Melayu dan Pekerjaan, M.A. Thesis, Universiti Malaya, 1969.
5. Laporan Ekonomi 1982/83, Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur.
6. Maklumat Pelajar, Pustaka Zakry Abadi, Kuala Lumpur.
7. Nota kuliah Puan Fatimah Daud.
8. Shajaratuddur binti Sh. Abd. Halim, Sikap Wanita-Wanita Dalam Bidang Pekerjaan, B.A. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1968.